

MUKA 19



Noghori Arts School lakar sejarah di Republic Czech



Tuanku Muhriz: Enakmen Tanah Adat buka peluang pembangunan

MUKA 4

Negeri Kita
Wadah Informasi Anda



TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT BELANJAWAN SURPLUS

“Pencapaian tiga tahun ini bukan bermula semalam. Tetapi bermula sejak saya mula memimpin negeri ini dan saya dianugerahkan pasukan yang terbaik dalam memastikan tugas ini dapat dilaksanakan. Hasilnya telah dikembalikan kepada rakyat dalam pelbagai inisiatif untuk bayi sehingga warga emas” – Aminuddin Harun

MUKA 2 DAN 3

45,000 penjawat awam Kerajaan Persekutuan bakal terima “Duit Raya”

MUKA 6

TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT BELANJAWAN SURPLUS

Analisa

Pentingkah Belanjawan Surplus?

KITA biasa dengar Belanjawan Surplus sebagai suatu yang menakjubkan. Bila dengar Belanjawan Surplus, orang mula buka mata.

Sedangkan bagi sesebuah kerajaan, bukanlah Belanjawan Surplus itu sasaran utama apabila menyusun belanjawan tahunan.

Kebiasaannya, Belanjawan Surplus akan dicapai selepas tamat satu tahun kerajaan berbelanja dan memungut hasil pendapatan negeri yang diuruskan oleh Pejabat Kewangan Negeri.

Kebanyakan negeri akan membentangkan Belanjawan Defisit atas beberapa unjuran yang dijangkakan pada tahun tersebut.

Ada juga yang mensasarkan Belanjawan Berimbang. Semua kalimah-kalimah ekonomi ini tidak penting bagi rakyat bawahan. Tetapi ia sangat penting bagi pentadbir negeri.

Rakyat di bawah hanya mahu tahu apa yang mereka terima dari setiap sen belanjawan yang diumumkan.

Setiap tahun, bermacam-macam gaya dan cara dibuat untuk menggambarkan itulah belanjawan terbaik sesebuah negeri walaupun negeri itu hasilnya sedikit.

Negeri Sembilan ada gaya, cara dan strategi yang tersendiri. Orang luar Negeri Sembilan selalu menyebut perihal negeri ini selalu aman dan damai sahaja.



Jarang Negeri Sembilan ada isu-isu yang terlalu sensasi. Tetapi, ada satu perkara yang orang luar sudah mula sebut dan mula kagum dengan Negeri Sembilan.

Oleh kerana di Negeri Sembilan banyak inisiatif untuk rakyat, orang bukan Negeri Sembilan yang menetap di negeri ini menjadi "wartawan bergerak" yang menyebabkan orang luar mula melihat Negeri Sembilan.

Rakyat mula menunggu apa yang mereka akan dapat. Mana tidaknya, dari bayi sampai ke warga emas, semua merasa laba dari asbab Belanjawan Surplus.

Biarpun tidak banyak, tapi kalau dalam satu keluarga ada bayi, ada anak sekolah, ada budak universiti, ada peniaga kecil dan ada orang tua, semua merasa.

Rakyat biasa tidak pentingkan apa itu surplus. Jika Belanjawan Surplus, tapi yang miskin bersepah-sepah di tepi jalan atau di bawah jambatan, lebih baik Belanjawan Difisit dari Surplus. Sebab itu kita perlu lihat pentadbiran sesebuah negeri itu digalas atas bahu siapa.

Zaman melihat orang atas, orang kuat atau orang keliling Yang Berhormat sahaja mendapat

nikmat telah berlalu. Cukup-cukuplah zaman itu dan biarkan ia berlalu. Ini bukan zaman kasta yang dibuat oleh British.

Negeri Sembilan punyai seorang ketua yang asalnya dari rakyat biasa dan sangat memahami kehidupan orang biasa dan keperluan orang biasa. Apabila beliau diangkat untuk duduk menjadi orang yang di atas, sedikit pun tidak mengubah rasa sayang dan cakna pada orang – orang kebiasaan.


Itulah kunci yang menjadikan rakyat Negeri Sembilan menerima pelbagai kelebihan berbanding rakyat negeri lain.

Jika suatu hari nanti beliau tiada di tampuk kepimpinan negeri, sudah pasti rakyat di bawah akan mengenang budi baik beliau. Bukan kerana Belanjawan Surplus. Tetapi sentuhan kepada rakyat yang dia telah lakukan.

Setiap permasalahan rakyat sentiasa ada dalam diari hidup hariannya. Setiap tahun, ada sahaja yang perkara baru yang akan diberikan sebagai maksud pendapatan kerajaan perlu diagihkan kepada rakyat secara saksama.

Benarlah kata pepatah, "Kayu mati berpunggur, manusia mati meninggalkan nama". Ini adalah panduan untuk generasi yang mendatang. Jika hari ini pemimpinnya rakus, pewarisnya jauh lebih rakus dan tamak.

Tetapi, jika hari ini pemimpinnya adil dan saksama, pewarisnya akan mencontohi peninggalan pemimpin yang tercinta dan berjasa.



Negeri Sembilan rekod kutipan hasil berjumlah **RM636 juta** pada 2024 - Menteri Besar



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan berjaya merekodkan kutipan hasil berjumlah RM636 juta pada tahun lepas melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu pada RM520 juta, kata Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata ini merupakan satu pencapaian membanggakan dan sekali gus mencerminkan dedikasi, integriti serta usaha gigih seluruh penjawat awam negeri.

"Kita semua dapat merasai perubahan pentadbiran yang dilakukan sehingga Kerajaan Negeri berjaya mencapai lebihan pendapatan selama tiga tahun berturut-turut," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan

Tahun 2025, di sini.

Justeru, beliau menyeru semua pihak agar memberi fokus kepada agenda besar Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun akan datang untuk mencapai sasaran kutipan hasil pendapatan negeri mencecah RM1 bilion.

Aminuddin berkata melalui perancangan yang dilaksanakan dengan kerjasama utuh daripada semua pihak, akan dapat memacu pembaharuan di negeri ini.

Mengenai perkembangan lain, beliau berkata, sepanjang tempoh 2019 hingga Oktober 2024, sebanyak RM2.32 bilion telah dibelanjakan bagi pelbagai kerja penyelenggaraan jalan di negeri ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri sudah meluluskan perolehan aset dan jentera bernilai RM5.59 juta bagi menggantikan 27 kenderaan usang serta membekalkan 18 dron untuk meningkatkan kecekapan pengurusan penyelenggaraan jalan negeri di bawah peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS).

Menurutnya, pada tahun lepas, Kerajaan Negeri menerima peruntukan penyenggaraan jalan negeri MARRIS daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM395 juta, iaitu pertambahan sebanyak RM20.6 juta (5.5 peratus) berbanding RM374.4 juta pada 2023.

-- BERNAMA

Naratif Kito

Hasil banyak, manfaat banyak; hutang banyak, lubang jalan pun tak mampu nak tampal

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

"**NEGERI** kita ini bukan besar seperti Selangor. Tetapi peranannya hampir setaraf Selangor. Negeri kita ini bukan ada minyak sebanyak di Terengganu. Tetapi hasil pendapatan tahunan negeri ini dua kali ganda dari Terengganu.

Negeri kita ini bukan kaya dengan padi seperti Kedah. Tapi negeri ini ada juga tanaman yang menjamin hasil petani. Negeri ini bukan ada sempadan antarabangsa seperti Johor dan Singapura.

Tetapi negeri ini menjadi laluan semua lori kontena dari utara ke selatan untuk ke pelabuhan atau lapangan terbang.

Sepatutnya anak Negeri Sembilan tidak lagi bercakap soal remeh. Anak Negeri Sembilan yang berada di luar perlu balik dan bantu Negeri ini.

Negeri kita sudah berada pada landasan ekonomi yang sangat baik. Bayangkan negeri yang kecil seperti kita ini boleh catat pelaburan sehingga RM10 bilion.

Hampir keseluruhan pelaburan itu adalah datang dari inisiatif dari agensi Kerajaan Negeri yang menggamit pelabur untuk masuk ke Negeri Sembilan.

Tapak-tapak pusat industri di Negeri Sembilan sudah menjadi salah satu destinasi utama pelabur asing yang ingin membina perniagaan di Malaysia.

Mengapa anak Negeri Sembilan perlu kembali ke Negeri Sembilan? Dengan banyaknya industri yang akan tumbuh dalam masa terdekat, sudah pasti kita mahukan anak-anak Negeri Sembilan untuk mengisi semua posisi dan jawatan tersebut.

Di Negeri Sembilan, kakitangan awam persekutuan sekitar 45,000 orang. Selagi tiada hospital baru, sekolah baru, kem askar baru, atau balai polis baru, angka ini tidak berubah.

Tetapi, dengan tumbuhnya pelbagai kilang industri yang pelbagai jenis, ini akan memberi ruang kepada lebih 200,000 anak-anak Negeri Sembilan untuk membina kerjaya di Negeri Sembilan.

Bukan apa, orang Negeri Sembilan suka balik kampung. Jika ibu dan ayah tinggal di Jempol, Gemas, Johol, Sungai Lui atau Seri Menanti, anak-anak pula bekerja di sekitar Seremban dan Nilai, sudah pasti senang untuk balik kampung setiap minggu.

Lebih-lebih lagi sekarang banyak inisiatif khas untuk rakyat Negeri Sembilan sahaja. Ramai sahaja orang luar Negeri Sembilan yang duduk di negeri ini mengeluh dan kecewa apabila Kerajaan Negeri umum inisiatif khas untuk warga Negeri Sembilan.

Tapi apa boleh buat. Semua inisiatif ini khas untuk 'Orang Nismilan'. Bangga saya jadi anak Negeri Sembilan.

- Kerajaan Negeri Sembilan berjaya merekodkan kutipan hasil berjumlah RM636 juta pada tahun lepas, melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM520 juta.
- Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun menyeru semua pihak agar memberi fokus kepada agenda besar kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun akan datang untuk mencapai sasaran kutipan hasil pendapatan negeri mencecah RM1 bilion.
- Sepanjang tempoh 2019 hingga Oktober 2024, sebanyak RM2.32 bilion telah dibelanjakan bagi pelbagai kerja penyelenggaraan jalan di Negeri Sembilan.

Tuanku Muhriz sukacita Enakmen Tanah Adat buka peluang pembangunan



SERI MENANTI: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir menzahirkan rasa sukacita apabila Enakmen Tanah Adat (Lingkungan dan Tanah Mengandung) 2022 membuka peluang kepada pemegang tanah adat untuk menjalankan usaha pembangunan.

"Adalah menjadi harapan Beta agar pentadbiran Kerajaan Beta memastikan segala sumber di negeri ini diopti-

mumkan penggunaannya di samping diperkukuhkan lagi koordinasi pelaksanaan merentas jabatan, agensi, kementerian dan komuniti.

"Pemantauan dan penilaian setiap inisiatif perlulah dilaksanakan secara menyeluruh dalam mendepani setiap cabaran demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

"Sebagai contoh, tanah-tanah terbiar

termasuk tanah adat, perlulah menggunakan kaedah yang sesuai untuk dibangunkan agar memberi pulangan hasil yang dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan taraf hidup.

"Beta amat sukacita apabila mendapati Enakmen Tanah Adat (Lingkungan dan Tanah Mengandung) 2022 telah membuka peluang kepada para pemegang tanah adat untuk menjalankan usaha-usaha pembangunan di tanah mereka.

"Urusan-urusan seperti pengambilan balik tanah, pecah bahagian tanah serta serah balik dan beri milik semula untuk tujuan komersil sudah mula dilaksanakan menurut peraturan yang ditetapkan," titah Baginda.

Tuanku Muhriz bertitah demikian pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Keputeraan ke-77 baginda di Istana Besar Seri Menanti.

Negeri Sembilan jadi pilihan pelabur

SERI MENANTI: Negeri Sembilan terus menjadi pilihan para pelabur dan Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan libat urus bersama pelabur yang berpotensi baik dari dalam mahupun dari luar negara.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Malaysia Investment Development Authority (MIDA) melaporkan pada tahun 2023 Negeri Sembilan telah berjaya mencatatkan rekod pelaburan tertinggi iaitu sebanyak RM10.1 bilion.

"Sehingga suku kedua tahun 2024, sebanyak RM3.0 bilion pelaburan telah direkodkan dan kita optimis akan menyamai rekod pelaburan tahun lalu," katanya.

Aminuddin menambah, gelora ekonomi dunia melalui prakarsa baharu yang mampan diperkukuh melalui Majlis Pelaburan Negara yang bersidang pada 16 Oktober 2024 telah meluluskan inisiatif Pembangunan Kluster Industri Wilayah Tengah yang merangkumi Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan



Kuala Lumpur.

Inisiatif ini bagi mewujudkan identiti kluster industri khusus dalam sektor pembuatan melalui usahasama dan sinergi kolaborasi antara negeri dalam memacu pelaburan bersasar.

"Usaha ini juga sejajar dengan agenda yang diterapkan dalam New Industrial Master

Plan (NIMP) 2030 yang memberi fokus kepada pembangunan ekonomi rentas sempadan yang melibatkan Bandar Enstek serta Nilai.

"Kerajaan Negeri juga sepakat menyokong cadangan jaringan lebuh raya baharu melibatkan Lebuh raya Senawang – KLIA (SKLIA) serta sambungan Leb-

uh raya West Coast Expressway (WCE) menghubungkan Banting, Selangor merentasi Negeri Sembilan dan Melaka hingga ke Gelang Patah, Johor.

"Patik percaya jajaran WCE sepanjang pantai Port Dickson akan memberi limpahan ekonomi dan pembangunan kepada rakyat di Negeri Sembilan," kata Aminuddin.

lan," kata Aminuddin.

Beliau berkata demikian ketika sembah ucapan tahniah dan taat setia sempena Hari Keputeraan ke-77 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir di Istana Besar Seri Menanti.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, Institusi Beraja di Negeri Sembilan adalah tonggak kekuatan negeri dan rakyat pelbagai kaum selain Ke Bawah Duli Tuanku berperanan sebagai penaung agama Islam.

"Di bawah naungan Tuanku, pembangunan syiar Islam di Negeri Sembilan juga mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan menerusi peruntukan RM31.8 juta yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2023 untuk pembinaan lima buah masjid di negeri ini.

"Lebih menggembirakan lagi, Negeri Sembilan telah dua tahun berturut-turut dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan," ujar Aminuddin lagi.

SELAMAT MENYAMBUT
**TAHUN
BARU CINA**

Gong Xi Fa Cai
2025

Semoga tahun ini membawa
kesejahteraan dan kegembiraan
kepada anda dan insan
tersayang



Negeri Sembilan catat kutipan hasil tertinggi dalam sejarah: RM636 juta

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam sejarah.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, sehingga 31 Disember 2024, hasil negeri yang berjaya dikutip berjumlah RM636 juta bersamaan 122.31 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM520 juta.

"Ini adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan dan mencerminkan dedikasi, integriti, dan usaha gigih seluruh penjawat awam di Negeri Sembilan.

"Kita semua dapat merasai perubahan pentadbiran yang telah dilakukan sehingga Kerajaan Negeri ini telah mencapai lebih pendapatan untuk tiga tahun berturut-turut. Tahniah kepada semua," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata, inilah hasil muafakat dan integrasi gabungan muka lama dan baharu anggota pentadbiran yang berdiri teguh bersama Kerajaan Negeri.

"Maka, melalui rencana Kerajaan Perpaduan yang ada, saya



percaya amanah dan semangat kerja tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan terus utuh demi memacu sebuah pembaharuan yang bermakna khususnya di Negeri Sembilan.

"Namun, saya ingin mengingatkan bahawa pencapaian ini

bukanlah alasan untuk kita bera-sa selesa.

"Sebaliknya, ia adalah tanggungjawab untuk terus meningkatkan prestasi dan memastikan setiap sen yang dikutip digunakan dengan cekap, berhemah, dan memberi manfaat maksimum ke-

pada rakyat," ujar beliau lagi.

Aminuddin berkata demikian di Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2025 di Dewan Majlis Bandaraya Seremban.

Dalam pada itu, Aminuddin

berkata, adalah menjadi harapan kerajaan agar penjawat awam di Negeri Sembilan untuk terus memperkasa ilmu pengetahuan dan penguasaan teknologi digital.

"Seiring dengan hasrat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang mahukan seluruh warga kerja Negeri Sembilan yang berdaya tahan dan kompeten selari dengan peredaran zaman.

"Menurut Laporan Masa Depan Pekerjaan Forum Dunia 2023, AI akan memberi impak besar terhadap hampir semua pekerjaan.

"Dapatan kajian menunjukkan lebih 75 peratus syarikat bersedia untuk menggunakan teknologi AI dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Justeru, penjawat awam Negeri Sembilan juga harus bersedia, tidak ketinggalan dan menjadi penggerak ekonomi digital dalam negara ini.

"Waima secanggih atau sebaik mana pun sesuatu teknologi, pengurusan dan penggunaannya harus dilakukan secara beretika dan berhati-hati," jelas Aminuddin lagi.

45,000 penjawat awam Kerajaan Persekutuan terima 'Bantuan Raya' dari Aminuddin

SEREMBAN: Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun mengumumkan bantuan khas kewangan RM200 kepada semua penjawat awam Kerajaan Persekutuan yang bertugas di Negeri Sembilan.

Aminuddin berkata, ini kali pertama bantuan ini diberikan kepada lebih 45,000 penjawat awam Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sembilan.

"Semua kakitangan awam jabatan persekutuan di Negeri Sembilan termasuk tentera, polis, guru dan kakitangan hospital serta klinik kesihatan kerajaan akan mendapat bantuan khas ini sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada penjawat awam Kerajaan Persekutuan sempena menyambut bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.

"Bantuan kewangan ini juga sebagai tanda terima kasih di atas usaha yang dilaksanakan dan membawa banyak kejayaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan walau pun negeri kita ini kecil.

"Saya ingin mengingatkan bahawa inisi-



tif ini datang dengan tanggungjawab yang lebih besar agar kita terus berusaha meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam demi

kebaikan dan kesejahteraan rakyat," kata beliau.

Aminuddin menambah, beliau meletakkan harapan agar penjawat awam Kera-

jaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Negeri Sembilan dapat melakukan perubahan dengan insentif yang diberikan ini.

"Perlu bekerja lebih tekun, bersedia melaksanakan reformasi pada diri, serta sentiasa cakna kepada keadaan sekeliling, agar dapat menyesuaikan ikut keperluan semasa.

"Saya mohon kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri agar dapat mengkaji SOP lama yang telah diamalkan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan agar dapat ditambah baik bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"Jabatan yang berjaya menambah baik SOP yang memberi manfaat kepada rakyat perlu diberi penghargaan di atas komitmen yang ditunjukkan seiring usaha reformasi dalam perkhidmatan awam," ujar Aminuddin lagi.

Aminuddin berkata demikian di Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2025 di Dewan Majlis Bandaraya Seremban.



Respons penjawat awam tentang pencapaian Kerajaan Negeri Sembilan

"Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun membuat banyak perubahan positif termasuk kebajikan rakyat, ekonomi dan bantuan kepada pelbagai peringkat umur.

Contohnya bantuan kepada pelajar institut pengajian tinggi yang bukan sahaja meringankan beban kewangan pelajar tetapi juga memberi dorongan kepada pelajar untuk berjaya dalam pendidikan.

Saya sebagai penjawat awam amatlah bersyukur dan terima kasih kepada Dato' Seri Utama yang mengumumkan bonus dua bulan (Bantuan Khas Kewangan) dan ini satu peningkatan kebajikan kepada kakitangan kerajaan.

Selain itu inisiatif pinjaman kenderaan tanpa faedah juga satu kemudahan kepada penjawat awam kerana sebelum ini kena buat pinjaman dengan bank yang mengenakan faedah yang tinggi."



MAZLAN AHMAD

Penolong Pegawai Tanah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan

"Saya sebagai penjawat awam Negeri Sembilan melihat banyak pencapaian di bawah kepimpinan Dato' Seri Aminuddin Harun.

Lebih banyak rumah mampu milik ditawarkan untuk golongan B40 dan bantuan pendidikan untuk golongan pelajar.

Kutipan hasil juga begitu tinggi (RM636 juta) untuk tahun 2024 dan ini satu pencapaian membanggakan.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang diterajui oleh Dato' Seri Utama Aminuddin yang memberikan bonus dua bulan pada tahun ini."



R. JEGAN

Pembantu Operasi
Bahagian Khidmat Pengurusan Setiausaha Kerajaan Negeri

"Sepanjang tempoh pemerintahan dua penggal oleh Dato' Seri Utama Aminuddin, kita dapat lihat banyak perbezaan dan manfaat yang diberikan kepada orang ramai yang meliputi semua kaum.

Salah satu inisiatif Kerajaan Negeri yang kita boleh lihat impaknya dengan ketara ialah bantuan untuk penjaja dengan pemberian geran RM3,000 yang tidak perlu dibayar balik melalui Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS).

Kerajaan Negeri juga menawarkan inisiatif bantuan implan ortopedik kepada pesakit yang mengalami kecederaan membabitkan tulang (patah) yang memerlukan pembedahan."



MOHD UMYR ABDUL KHOIS

Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Penyelarasan dan Pemantauan Institusi Akar Umbi
Bahagian Dewan Undangan Negeri

"Semua penjawat awam Negeri Sembilan amat gembira bagi tahun 2025 ini kerana kami dapat bonus dua bulan dari Kerajaan Negeri Sembilan.

Keduanya, penjawat awam Kerajaan Persekutuan pula mendapat sumbangan Aidilfitri sebanyak RM200 daripada Kerajaan Negeri, melibatkan lebih 45,000 penjawat awam Kerajaan Persekutuan yang bertugas di Negeri Sembilan.

Banyak inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri, antaranya produk pelancongan, pinjaman kenderaan dan komputer riba tanpa faedah untuk penjawat awam. Kalau pinjam di bank, kena faedah yang tinggi.

Alhamdulillah anak-anak Negeri Sembilan yang masih belajar juga mendapat pelbagai insentif daripada Kerajaan Negeri seperti Bantuan Anak Sekolah (BAS) dan insentif kewangan sambung pengajian ke institut pengajian tinggi."



SITI NORHAYATI MOHD MASTAR

Penolong Pengarah Komunikasi Korporat
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

"Kerajaan Negeri telah menawarkan banyak bantuan kepada rakyat termasuk golongan peniaga kecil (TUNS) dan penjawat awam seperti pinjaman kenderaan serta komputer riba tanpa faedah.

Saya anggap ini semua satu pencapaian yang membanggakan oleh Kerajaan Negeri.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri khususnya Dato' Seri Utama Menteri Besar, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Dato' Pegawai Kewangan Negeri di atas pencapaian kutipan hasil tertinggi dalam sejarah untuk tahun 2024 iaitu sebanyak RM636 juta.

Terima kasih juga di atas pemberian dua bulan bonus kepada penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri."



NAZRI MULUP

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Jempol

Negeri Sembilan sasar hasil pendapatan **RM1 bilion**

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan mensasarkan hasil pendapatan RM1 bilion untuk tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, selari dengan hasrat tersebut, seluruh penjawat awam perlu memastikan setiap rancangan yang disediakan sentiasa berada dalam garis masa gerak kerja yang ditetapkan.

"Perkhidmatan kita kepada rakyat juga perlu lebih cekap dan berkesan.

"Pendekatan proaktif dan responsif semestinya akan memacu kepada keberkesanan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

"Setiap inisiatif yang kita tawarkan kepada rakyat, wajib disampaikan dalam semua platform media jabatan dan agensi.

"Tidak ada lagi rugutan yang perlu kita dengar dari rakyat di bawah yang masih tidak tahu apa-apa informasi tentang usaha pihak kerajaan.

"Pastikan semua medium media jabatan dan agensi digerakkan.

"Begitu juga setiap informasi yang berkaitan dengan tanggungjawab rakyat kepada pihak kerajaan," katanya.

Aminuddin berkata, Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa menghargai sumbangan penjawat awam.

"Oleh itu, kenaikan gaji menerusi Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan pengumuman Bantuan Khas Kewangan (Bonus dua bulan gaji) baru-baru ini adalah tanda penghargaan dan inisiatif ini diharap dapat menjadi motivasi dan dorongan



kepada semua untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

"Namun, saya ingin mengingatkan bahawa insentif ini datang dengan tanggungjawab yang lebih besar agar kita terus berusaha meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

"Saya meletakkan harapan agar penjawat awam Negeri Sembilan dapat melakukan perubahan seiring dengan insentif yang diberikan.

"Perlu bekerja lebih tekun dan bersedia melakukan reformasi pada diri serta sentiasa cakna terhadap keadaan sekeliling

agar dapat disesuaikan mengikut keperluan semasa," ujar beliau.

Aminuddin menambah, penjawat awam perlu sentiasa ingat, bahawa kekuatan perkhidmatan kerajaan adalah rakyat.

"Rakyat yang sentiasa mendukung segala perancangan dan perkhidmatan di semua peringkat sehingga memungkinkan kita menikmati pelbagai pencapaian pada hari ini.

"Justeru, sebagai tanda penghargaan kita perlu memberikan khidmat yang berkualiti, efisien dan cekap.

"Setiap keputusan hendaklah dirancang sebaiknya dan mengambil kira pelbagai perkara agar tidak memberi kesan di masa akan datang.

Menurut Aminuddin, kegagalan pada hari ini kesannya akan dirasai dan ditanggung oleh generasi akan datang serta menyebabkan kerugian kepada negeri dan rakyat.

"Keputusan yang dibuat perlu dirancang lebih awal dan segera bagi memastikan kita menjadi antara negeri yang menjadi pilihan dan keutamaan kerana cekap, cepat dan tepat.

"Kelewatan dan sikap sambil lewa serta tidak mengambil tahu akan menyebabkan pembangunan negeri ini terbantut dan menyebabkan kerugian di masa hadapan.

"Jadikan permulaan 2025 ini dengan tekad dan azam untuk menjadi warga penjawat awam yang sentiasa bertanggungjawab dan meletakkan kerja yang dilaksanakan sebagai keutamaan dalam kehidupan seharian," ulas beliau lagi.

Aminuddin berkata demikian di Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan terpaksa menanggung kerugian seperti sebelum ini," jelas Aminuddin.





'Pintal pintal terapi emosi, pintal pintal sampai jadi'

SEREMBAN: Exco Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, Noorzunita Begum Mohd Ibrahim telah melancarkan Kelab Suri Wire Art di Klana Resort.

Noorzunita berkata, Kelab Suri Wire Art menjadi tanda usaha gigih serta semangat juang para suri rumah dan ibu tunggal yang telah berjaya menamatkan 10 modul kraf berasaskan wayar.

"Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 17 peserta hebat yang telah berjaya menyelesaikan modul ini dalam tempoh tiga bulan, bermula September hingga November 2024.

"Kejayaan anda bukan sahaja melambangkan dedikasi dan ketabahan, tetapi juga menunjukkan bahawa potensi wanita sentiasa boleh digilap untuk menghasilkan sesuatu yang luar biasa.

"Meningkatkan kemahiran dan memperkasakan ekonomi wanita suri dengan menjadikan kemahiran ini sebagai sumber pendapatan," kata Noorzunita.

Noorzunita menambah, selain itu terapi emosi melalui aktiviti kreatif yang memberi manfaat kepada kesejahteraan mental dengan motto 'Pintal pintal terapi emosi, pintal pintal sampai jadi'.

"Saya amat berharap agar kejayaan ini menjadi titik permulaan kepada perubahan besar dalam kehidupan para peserta.

"Tahniah sekali lagi kepada semua peserta dan pihak yang telah menjayakan program ini terutamanya kepada tenaga pengajar, Puan Nor Halina Buang di atas semangat dan dedikasi dalam membantu para wanita menggilap potensi diri dalam seni Wire Craft ini.

"Semoga usaha ini terus diberkati dan menjadi inspirasi kepada lebih ramai wanita di luar sana.

"Terima kasih kepada Puan Norwani Ahmad selaku Pengerusi Kasih D'Awam yang sudi menjemput saya menyempurnakan majlis ini," ujarnya.



UMNO Negeri Sembilan akan terus berkhidmat



SEREMBAN: UMNO Negeri Sembilan berikrar akan terus berkhidmat untuk rakyat.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, UMNO Negeri Sembilan mahu terus menabur bakti dan keringat bagi menjadikan kehidupan rakyat negeri ini bertambah baik berbanding sebelumnya.

"Tahun 2025 adalah masa di mana gerak kerja parti pada tahap pecutan yang lebih deras, agar rakyat dan ahli merasai sentuhan khidmat kita.

"Ayuh ahli-ahli parti, kita terus memperkukuhkan

ukuhwah atas tunjang perjuangan yang kalis cabaran," katanya.

Dalam pada itu, UMNO Negeri Sembilan telah melantik Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng, Dato' Mohd Asna Amin sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Biro Ekonomi.

"Tahniah YB dan semoga fokus yang digariskan untuk tahun 2025 dapat direalisasikan dengan baik, Insya Allah," ujar Jalaluddin yang juga Exco Kanan Negeri Sembilan dan Ahli Parlimen Jejebu.



37,537 warga emas Negeri Sembilan dapat sumbangan kewangan berjumlah **RM7.50 juta**

SEREMBAN: Seramai 37,537 warga emas mendapat manfaat sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri Sembilan sepanjang tahun 2024 yang melibatkan peruntukan RM7.50 juta.

Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun lepas ini, membolehkan warga emas berusia 70 tahun dan ke atas menerima sumbangan kewangan one-off sebanyak RM200 setahun.

"Saya boleh kata ini di antara inisiatif yang paling berjaya dan sumbangan kewangan ini diberikan bagi menghargai golongan warga emas.

"Justeru itu, bermula tahun ini (2025), sumbangan RM200 ini akan diserahkan kepada penerima semasa musim perayaan agama masing-masing.

"Kalau warga emas itu kaum

Tionghua, maka sumbangan akan diberikan sebelum atau semasa musim perayaan Tahun Baru Cina.

"Sekiranya warga emas yang beragama Islam, sebelum sambutan Hari Raya dan untuk yang beragama Hindu, sebelum sambutan Deepavali.

"Adalah diharapkan dengan kaedah baru ini, ia akan memberi lebih keceriaan kepada golongan warga emas Negeri Sembilan semasa menyambut perayaan masing-masing," kata Aminuddin semasa Sidang Media Pasca Mesyuarat Exco.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, warga emas yang telah berdaftar di laman sesawang www.n9.digital/ dan yang telah menerima sumbangan kewangan RM200 pada tahun 2024; tidak perlu membuat permohonan semula untuk mendapatkan sumbangan RM200 itu pada tahun ini.



Jalan alternatif ke tiga perkampungan Orang Asli di Jeram Padang



SEREMBAN: Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin dengan keperluan orang ramai terutamanya penduduk-penduduk di kawasan kampung dan pendalaman untuk mendapatkan akses yang mudah dan selamat ke jalan raya utama.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, laluan ke Kampung Orang Asli Panchor, Kampung Orang Asli Klebang dan Kampung Orang Asli Lubuk Lawang telah dibina dengan peruntukan kerajaan melalui jalan persendirian tetapi malangnya jalan tersebut rosak dan dilalui

oleh kenderaan berat akibat keluaran hasil ladang.

Isu ini telah diberi maklum kepada Perbadanan Aset Keretapi (RAC) oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram Padang, Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir.

"Sehubungan itu, satu lawatan tapak bersama wakil Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah diadakan pada 20 Jun 2024 bagi meneliti perkara ini.

"Semasa lawatan tersebut, lokasi yang dicadangkan bagi pembinaan lintasan tersebut adalah berdekatan KM27, Jajaran Pantai Timur, Mukim Jelai, Daerah

Jempol.

"Hasil lawatan juga mendapati kawasan tersebut telah diduduki secara tidak sah memandangkan terdapat aktiviti tanaman dan juga sebuah struktur pondok telah didirikan.

"Dalam hal ini, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) selaku pemilik dan pengurus aset kereta api akan mengkaji cadangan reka bentuk lintasan yang sesuai serta ulasan-ulasan-ulasan teknikal daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum diangkat untuk kelulusan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat

(APAD).

"Perkara ini juga telah dipanjangkan kepada Menteri Pengangkutan dan kita akan terus melihat perkembangan permohonan ini," jelas Aminuddin.

Dalam pada itu, Mohd Zaidy berkata, penyelesaian masalah ini akan membawa kegembiraan kepada 1,500 orang penduduk Orang Asli di sini selepas menunggu selama 30 tahun.

"Ini juga merupakan salah satu manifesto saya ketika PRU-15 yang lalu, maka perlu diselesaikan segera sebelum menjelang PRU-16," ujar beliau.



Kes buli siber bakal dinoktahkan

BAGI menangani isu buli dalam talian, Menteri dan Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Dato' Seri Azalina Othman Said dan M.Kulasegaran melalui kementerian mereka berganding bahu memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) yang mampu memastikan kelompongan undang-undang dapat diatasi, iaitu dengan membangkitkan RUU khusus terhadap buli dan buli siber.

Dengan lulusnya Rang Undang-Undang (RUU) Kanun Keseksaan (Pindaan) (No 2) 2024 ini, hukuman lebih keras akan dikenakan terhadap pembuli siber yang mengugut, menghina atau mencela den-

gan niat memprovokasi seseorang dan menyebabkan kemudaratan kepada dirinya atau kepada orang lain.

Bagaimanapun, RUU ini bukanlah bersifat menghukum, tetapi untuk memupuk kebertanggungjawaban pengguna dengan selalu berhati-hati bukan saja kata-kata dalam talian, malah membina sebuah masyarakat yang lebih beradab dan menghormati maruah setiap individu.

Diharapkan satu hari nanti, Malaysia berjaya menoktahkan kes buli siber terutamanya sehingga menyebabkan kehilangan nyawa merujuk kepada sebuah kes yang berlaku baru-baru ini.



KES BULI SIBER BAKAL DINOKTAHKAN

Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

- 👍 Hukuman lebih berat buat pembuli siber
- 👍 Melindungi masyarakat terutamanya kanak-kanak
- 👍 Memupuk masyarakat lebih beradab

Tengku Zamrah mahu lebih ramai anak muda terlibat dengan KRT

SEREMBAN: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan telah meraikan dan mengiktiraf Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh Negeri Sembilan dalam Majlis Apresiasi dan Kecemerlangan Kawasan Rukun Tetangga Negeri Sembilan Tahun 2024 yang dirasmikan oleh Exco Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO, Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, di Hotel Klana Resort, Seremban.

Tengku Zamrah berkata, Rukun Tetangga adalah satu platform yang sangat penting dalam membina perpaduan di peringkat akar umbi.

Rukun Tetangga telah memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan dan keharmonian masyarakat.

"Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada setiap AJK Rukun Tetangga yang telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

"Anda semua adalah wira yang sering berkerja di belakang tabir untuk memastikan masyarakat hidup dalam keadaan selamat dan aman.

"Di masa hadapan, saya berharap agar Rukun Tetangga Negeri Sembilan akan terus berkembang dan lebih ramai anggota muda akan terlibat dalam menjayakan program-program komuniti," katanya.

Menurut Tengku Zamrah, ini adalah langkah penting untuk memastikan kesinambungan perpaduan di kalangan generasi yang akan datang.

"Semoga segala usaha kita dalam memperkukuhkan Rukun Tetangga akan terus mendapat keberkatan dan manfaat yang besar.

"Terima kasih kepada semua AJK Rukun Tetangga yang telah memberi segala tenaga, masa dan komitmen demi kesejahteraan bersama," ujar beliau.



Pemeriksaan komuniti luar bandar di Negeri Sembilan



SARFARIZMAL MD SAAD
Pegawai Khas Media Exco Kanan
Kerajaan Negeri Sembilan

NEGERI Sembilan merupakan negeri yang berstatus 'sedang membangun' dalam ruang lingkup dan caranya yang tersendiri.

77 peratus keluasan Negeri Sembilan terdiri daripada kawasan yang dikategorikan sebagai luar bandar.

Ini sekali gus menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri luar bandar, namun tetap mempunyai kepesatan perbandarannya yang tersendiri, yakni Bandaraya Seremban.

Tidak hairanlah mengapa Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan yang dibentuk atas percaturan aspirasi antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) memberi prioriti terhadap sektor luar bandar.

Melalui aspirasi ini, Menteri Besar, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah mengadaptasikan kepercayaannya kepada Exco Kanan, Dato' Seri Jalaluddin Alias, selaku Exco yang bertanggungjawab kepada pembangunan luar bandar.

Sealiran dengan itu, Dato' Seri Jalaluddin telah membawa naratif untuk mengurangkan jurang pembangunan antara kawasan bandar (Seremban) dengan kawasan di luar bandar.

Acapkali keluar dari mulut beliau bahawa, negeri ini harus mempercepatkan pembangunan infrastruktur yang lebih inklusif di kawasan luar bandar, atau desa.

Padanya, masyarakat di luar bandar mempunyai hak seumur hidup untuk mendapatkan infrastruktur yang ideal walaupun jarak kampung yang mereka duduki berpuluh kilometer dari kawasan bandar.

Tidak sekadar menunggu, Kerajaan Perpaduan telah mengorak langkah dengan menggariskan elemen 'Pemeriksaan Komuniti' sebagai bidang tumpuan keempat di dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2025.

Dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM16.47 juta, bidang tumpuan yang majoritinya tertumpu kepada masyarakat luar bandar ini, adalah bidang ketiga tertinggi daripada keseluruhan peruntukan sebanyak RM96.2 juta (melibatkan sembilan bidang tumpuan dan 66 inisiatif kepada rakyat).

Yang pastinya, melalui pemeriksaan komuniti ini, ia bakal memberi manfaat berganda kepada kehidupan masyarakat di peringkat luar bandar.

Sejumlah RM1 juta wang rakyat akan dibelanjakan untuk proses pencahayaan kampung, bertujuan untuk keselamatan dan kesejahteraan majoriti masyarakat



Negeri Sembilan yang berada di luar bandar.

Kerajaan ini tidak akan membiarkan kawasan luar bandar bergelap tanpa ada sistem lampu yang baik, seperti sebelum ini.

Dalam memakmurkan ekonomi dan kesejahteraan sosial luar bandar juga, Kerajaan Perpaduan merangka Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2026-2045 dengan peruntukan sebanyak RM400,000.

Saya percaya, di tahun 2045 nanti, kehidupan luar bandar Negeri Sembilan akan lebih berbeza dan harmoni berbanding zaman sekarang.

Tidak terhenti di situ, Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan juga memberi penekanan terhadap masyarakat di kawasan FELDA.

Program Sentuhan MADANI FELDA

yang diperuntukkan sebanyak RM500,000 adalah permulaan kepada pembelaan yang penuh ikhlas daripada pemimpin BN dan PH.

Tidak termasuk dengan Program Pengukuhan Komuniti MADANI yang merupakan satu inisiatif untuk mengukuhkan nilai-nilai masyarakat maju, sejahtera dan holistik, dengan peruntukan sebanyak RM500,000.

Sebagai sebuah negeri luar bandar, Negeri Sembilan tidak boleh terlepas dengan masyarakat Orang Asli yang turut menjadi kumpulan masyarakat terpenting dan penyumbang kepada kehebatan negeri.

Atas kesungguhan Exco Kanan dan pasukannya dalam memperjuangkan isu masyarakat Orang Asli, maka tidak hairanlah mengapa Kerajaan Negeri terus meletakkan pembangunan komuniti Orang Asli sebagai bidang keutamaan di

tahun 2025.

RM315,000 telah diperuntukkan sebagai geran khas buat Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) kepada 43 buah Kampung Orang Asli yang berdaftar.

Kerajaan tidak mahu masyarakat Orang Asli di negeri ini berada di takuk yang lama dan sama, justeru geran khas yang disalurkan kepada JPKKOA itu adalah satu galakan kepada mereka untuk bersaing sehabis baik dengan masyarakat majoriti di negeri ini.

Ini baru sedikit. Tidak sampai 20 peratus daripada keseluruhan usaha dan tumpuan yang diberikan oleh Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan bagi mengupayakan masyarakat MADANI di Negeri Sembilan, terutama bagi tahun kedua pemerintahan perpaduan ini.

Sudah pasti, setiap entiti masyarakat akan terangkum dalam satu aspirasi besar pihak kerajaan demi membina sebuah 'Negeri MADANI' paling terkehadapan di negara kita.

Untuk masyarakat keseluruhannya, marilah kita sama-sama berpegang kepada firman Allah SWT didalam Surah Ibrahim ayat tujuh yang membawa maksud: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih."

Perbanyakkan bersyukur kepada Tuhan kerana kita dipinjamkan sebuah urustadbir Kerajaan Negeri yang penuh strategi dan bertatasusila ini.

Ia akan memungkinkan keharmonian hidup bermasyarakat di Negeri Sembilan terbentuk dengan baik dan berpanjangan, Insya-Allah.





Renungan Kebangkitan Arab: Revolusi separuh masak



SUWAIBAH MOHD SUJAK
Sekolah Pembangunan Kerja Belia dan Komuniti (SPKKB)

Bahagian Akhir

KINI, pasca 14 tahun kebangkitan Arab selepas bermula pada hujung 2010, adakah keadaan rakyat makin memulih dan baik?

Kita iktiraf, rakyat berhak merayakan cita-cita mereka menghumban para diktator pembunuh.

Rakyat Syria contohnya meraikan di mana-mana dengan tarian ringan dan sujud dan saling bergembira.

Mereka menerima kesan terdahsyat, hilang kampung dan saudara yang ada pertalian darah dek zalimnya tindakan Assad yang pernah membunuh rakyat dengan gas, dengan bom dan segala persenjataan moden.

Kita doakan Syria benar-benar akan kembali meraih hak mereka yang telah diperkosa berdekad lama.

Bagaimana dengan yang lain? Libya, Yaman, Tunisia, Mesir dan beberapa negara Arab lain.

Isunya, bebanan dihadapi rakyat itu bukan berdasar pada seorang manusia diktator, walaupun itu turut menyumbang banyak.

Rakyat bertaruh nyawa menaikkan pemimpin baharu bukan untuk mengekalkan kerosakan sistem yang lama, tetapi merubah ke urat akar sistem yang culas dan membenarkan eksploitasi, penindasan dan diskriminasi positif (konon yang mempertahankan dasar kerajaan terhadap golongan tertentu).

Namun, kebanyakan rakyat negara-negara ini kembali dalam kitaran sama. Melarat dan merana.

Apa rakyat dapat selepas tumbangnyanya seorang raksasa diktator?

Mereka tidak mengharap naiknya pemimpin baru yang mengekalkan cara yang telah kotor dan reput.

Tetapi, itu pula bukanlah hal yang mudah.

Untuk menggantikan ribuan pegawai kanan yang telah terbenam dalam lumpur budaya dan sistem yang ditanam lama perlukan waktu yang juga lama.

Rakyat selamanya tidak akan beroleh aman dan sejahtera selama mana revolusi tidak merevolusikan dan meruntuhkan segala budaya yang telah terbenam.

Hal ini jadinya para penulis dan pemerhati politik menyifatkan kebangkitan Arab adalah gagal.

Sebagai mithal, kita dianjurkan baca tulisan Asef Bayat yang membuat telaah

terhadap kebangkitan Arab melalui karya "Revolution Without Revolutionaries: Making Sense of the Arab Spring".

Antara argumen beliau yang menonjol kegagalan revolusi (jika dapat dinamakan revolusi) ialah tiadanya 'master idea' yang mengiringi motivasi para demonstran, tiada supremo leader yang bertindak paling hadapan sebagai revolusioner serta beberapa perkara lain.

Walhasil revolusi yang berlaku tidak dapat mengubah apa-apa kecuali 'menu'.

Wajah manusia pertama diganti di helaian menu, seperti kita menggantikan wajah pemimpin di dinding.

Manakan, yang lebih besar menjerut yang menggugah ramai manusia daripada seluruh dunia untuk mahu menumbangkan kerajaan ialah, tekanan dahsyat akibat ekonomi berteraskan perbankan yang membenarkan hutang menjadi alat industri.

Tekanan yang menciptakan kesenjangan lebar antara taikun-taikun besar membolot harta kekayaan dan orang miskin melarat tak makan.

Mereka meminjam daripada bank-bank untuk mengembangkan perniagaan dan memperoleh margin untung besar untuk kembali membayar hutang yang dikenakan bunga tinggi.

Pengguna terakhir di kalangan rakyat paling nyata mendapat kesan terjerut dengan harga mahal dan kos hidup tinggi.

Ini akan terus mendidihkan kemarahan orang kecil yang akan kembali masuk dalam kitaran menyabung nyawa untuk membuang kerajaan yang mereka rasakan patut bertanggungjawab atas derita mereka.

Kelak, ianya tidak mengubah apa-apa selama mana industri ribawi ini tidak direvolusikan bersama revolusionari.




18 individu terima sumbangan kewangan daripada Mustapha



Seramai 18 individu menerima sumbangan kewangan daripada **ADUN Palong**, Mustapha Nagoor.

"Adalah diharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban penerima," kata Mustapha.

"Saya telah menyampaikan inisiatif bantuan Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan dan ini termasuk seramai lapan pengantin baharu menerima Bantuan Belia Berkahwin.



"Tiga pelajar yang telah melanjutkan pengajian ke institut pengajian tinggi (IPT) pula menerima Bantuan Kewangan Kemasukan ke IPT.

"Saya juga menyerahkan sumbangan kewangan kepada tujuh lagi individu yang memerlukan bantuan kewangan melibatkan pelajar dan pesakit kronik.

Cha sumbang 130 set meja dan kerusi kepada SK Seremban Jaya



Sekolah Kebangsaan Seremban Jaya menerima 130 set meja dan kerusi daripada **Ahli Parlimen Rasah**, Cha Kee Chin.

Dalam pada itu, Cha mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa yang memberikan sokongan untuk memastikan kejayaan anak-anak yang cemerlang.

"Saya telah menyumbang 100 set meja dan kerusi murid kepada SK Seremban Jaya pada tahun lalu.

"Lebih 250 murid menerima anugerah kecemerlangan melibatkan akademik, ko-kurikulum dan sukan dalam majlis ini.

"Sumbangan guru tidak saya lupakan dan saya menyumbang 30 set meja dan kerusi guru bagi setiap kelas di dalam sekolah ini.

"Tahniah kepada semua anak-anak dan teruskan kecemerlangan ini sehingga ke menara gading," ujar Cha.

"Selain itu, saya juga telah membiayai kos mengantikan jata negara dan jata negeri-negeri yang pudar kepada yang baharu di dalam dewan sekolah.



"Segala sumbangan dan usaha ini saya lakukan agar SK Seremban Jaya dapat menawarkan persekitaran yang terbaik untuk pembelajaran anak-anak," kata Cha dalam ucapan perasmian Majlis Anugerah Kecemerlangan SK Seremban Jaya 2024/2025.

Asna sumbang RM4,000 kepada 20 warga emas



ADUN Lenggeng, Dato' Mohd Asna Amin menyerahkan Bantuan Aspirasi Warga Emas untuk sejumlah penerima (batch) yang terakhir bagi tahun 2024.

hun 2024.

Asna berkata, seramai 20 warga emas dari DUN Lenggeng menerima sumbangan RM200 setiap seorang.

"Kepada individu yang belum daftar, boleh daftar di aplikasi n9.digital," katanya.

"Sumbangan tahunan secara on-off daripada Kerajaan Negeri ini diharapkan memberi keceriaan kepada penerima.

Dalam pada itu, menurut Asna, agihan sumbangan untuk tahun ini adalah mengikut sambutan perayaan agama masing-masing.

"Berita baik untuk tahun 2025, permohonan adalah secara automatik untuk individu yang pernah berdaftar pada ta-

"Sumbangan kewangan semasa musim perayaan sudah semestinya sedikit sebanyak membantu warga emas membuat persiapan," ujarnya.

NGO perlu didik masyarakat tentang tanggungjawab sosial



ADUN Repah, Veerapan Superamiam telah menghadiri Majlis Penyampaian Bantuan Hujung Tahun 2024 yang dianjurkan oleh Pertubuhan Chu Tzhi Malaysia Cawangan Tampin.

ti Chu Tzhi dalam memupuk kesedaran dan tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat.

Veerapan berkata, Pertubuhan Chu Tzhi Malaysia merupakan sebuah organisasi kebajikan yang terkenal dengan usaha-usaha murni dalam membantu golongan yang memerlukan serta mempromosikan kesedaran alam sekitar.

"Saya ingin memuji komitmen pertubuhan ini dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan berkesan.

"Pertubuhan ini telah lama berkhidmat untuk masyarakat, menjalankan pelbagai program kebajikan dan kemasyarakatan tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

"Sebagai tanda sokongan, saya turut menyumbang sumbangan kewangan RM3,000 kepada pihak pertubuhan untuk menjalankan aktiviti tahunan seperti yang dirancang demi kemaslahatan masyarakat setempat.

"Cawangan Tampin, khususnya, telah aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

"Sumbangan ini diharapkan dapat membantu pertubuhan dalam melaksanakan program-program yang bermanfaat dan berkesan," kata Veerapan yang juga Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan.

"Syabas dan tahniah kepada pertubuhan ini di atas usaha membimbing dan mendidik masyarakat tentang kepentingan alam sekitar serta sumbangan kepada golongan yang memerlukan," ujar Veerapan.

Dalam pada itu, majlis ini dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat yang turut serta dalam menyokong usaha murni pertubuhan Chu Tzhi.

Veerapan juga menekankan betapa pentingnya peranan pertubuhan seperi-

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk penyampaian bantuan kepada golongan yang memerlukan, ceramah kesedaran alam sekitar, dan pelbagai aktiviti kemasyarakatan lain.

39 keluarga mangsa banjir terima sumbangan kewangan daripada Faizal



Sebanyak 39 keluarga yang terlibat dengan kejadian banjir menerima sumbangan kewangan daripada **ADUN Linggi**, Dato' Faizal Ramli.

"Saya telah menyampaikan Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada 39 Ketua Isi Rumah (KIR) yang terkesan dengan kejadian banjir pada bulan Ogos yang lalu.

"Sumbangan ini diberikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kerana mereka telah berdaftar dan berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) iaitu PPS Permatang Pasir, PPS Sungai Raya dan PPS Tanjung Agas.

"Terima kasih juga kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKK) di atas sumbangan bakul makanan.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis dan JPKK kerana terkehadapan dalam menangani mangsa banjir yang terlibat secara langsung," kata Faizal.

Dalam pada itu, Faizal juga menasihatkan masyarakat supaya jika berlaku sebarang bencana hendaklah terus menghubungi pihak berkaitan seperti ketua kampung, polis atau JPAM, bukannya menviralkannya dahulu di media sosial.

"Kita memerlukan maklumat yang lengkap dan tepat untuk membantu mangsa dengan segera," ujar beliau.

Bibi Sharliza santuni AJK Wanita UMNO yang keuzuran



ADUN Juasseh, Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid telah menyantuni seorang Ahli Jawatankuasa (AJK) Wanita UMNO Kuala Pilah di Kampung Melekai, Johol.

"Saya bersama kepimpinan Wanita UMNO Kuala Pilah berkesempatan menziarahi AJK Wanita UMNO, Puan Hafisah, yang kini kurang sihat.

"Saya telah menghulurkan sumbangan kewangan kepada beliau bagi meringankan beban kewangan beliau.

"Semoga kehadiran kami membawa sedikit sinar kegembiraan buat beliau dan keluarga.

"Puan Hafisah adalah seorang pejuang wanita yang tabah, dan kami mendoakan agar beliau segera pulih seperti sediakala," kata Bibi Sharliza.

Bibi Sharliza mengucapkan terima kasih kepada AJK Wanita UMNO Kuala Pilah yang sentiasa bersatu hati dalam misi kemanusiaan ini.

"Bersama kita teruskan usaha membantu dan menyokong mereka yang memerlukan.

"Puan Hafisah, kami semua ada bersama anda," ujar Bibi Sharliza yang juga Ketua Wanita UMNO Negeri Sembilan dan Kuala Pilah.

Anugerah cemerlang permulaan kepada perjalanan lebih gemilang



Golongan pendidik yang tidak pernah jemu memberikan ilmu, bimbingan dan motivasi diberi setinggi-tinggi penghargaan oleh **ADUN Seri Menanti**, Muhammad Sufian Maradzi.

"Guru bukan sahaja mendidik kami dalam pelajaran tetapi juga membentuk kami menjadi individu yang berdaya saing, bertanggungjawab dan berakhlak mulia.

"Tanpa usaha gigih mereka, kejayaan hari ini tidak akan tercapai.

"Harapan saya kepada semua penerima anugerah cemerlang ini adalah permulaan kepada perjalanan yang lebih gemilang.

"Teruskan usaha untuk mencapai impian dan sentiasa berusaha memperbaiki diri,

kehidupan ini penuh dengan cabaran tetapi dengan semangat yang teguh dan ilmu yang terus ditimba, saya yakin anda semua akan menempa kejayaan yang lebih besar di masa hadapan," katanya.

Muhammad Sufian berkata demikian ketika Majlis Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam 2024/2025.

Muhammad Sufian turut mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa yang sentiasa memberikan sokongan serta kepercayaan dan menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan pelajar.

"Semoga kita semua terus maju dan berjaya dalam apa jua yang kita impikan," ulas Muhammad Sufian yang juga merupakan alumni sekolah tersebut.

Cadangan pembinaan perpustakaan awam di Taman Tuanku Ampuan Najihah



ADUN Seremban Jaya, P.Gunasekaren mencadangkan sebuah perpustakaan awam dibina di Taman Tuanku Ampuan Najihah.

Gunasekaren berkata, permintaan untuk membina sebuah perpustakaan awam telah dibawa kepada pengetahuan beliau oleh penduduk dari Taman Tuanku Ampuan Najihah dan Taman Bukit Sri Senawang.

"Justeru itu, saya telah mengadakan lawatan ke taman perumahan ini untuk melihat beberapa lokasi atau tapak yang sesuai untuk membina sebuah perpustakaan awam.

"Kemudahan sebuah perpustakaan awam yang dilengkapi dengan kemudahan internet jalur lebar amatlah perlu di kawasan perumahan ini dan yang

berdekatan.

"Ini bagi memudahkan golongan pelajar sekolah dan kolej mengulang kaji pelajaran dan membuat 'assignment' secara berkumpulan yang memerlukan kemudahan internet.

"Semestinya pelajar ini menghadapi kesulitan untuk belajar secara berkumpulan kerana faktor saiz rumah yang kecil dan tiada kemudahan internet jalur lebar di kediaman masing-masing," jelas Gunasekaren.

Gunasekaren berkata, beliau akan membawa cadangan ini kepada Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Turut hadir, Ahli Majlis Bandaraya Seremban, Jamilah Said Ali dan Pengerusi DAP Cawangan Taman Tuanku Jaafar, Suria.

PERMOHONAN BANTUAN INISIATIF KERAJAAN NEGERI SEMBILAN



Imbas kod QR ini untuk dapatkan maklumat mengenai inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan



untuk maklumat lanjut layari laman sesawang <https://www.n9.digital/>

Muat turun aplikasi n9.Digital di Apple App Store dan Google Play

PERMOHONAN Inisiatif Bantuan Bayi Baru Lahir 2025

RM100
Caruman Skim Simpanan SSPN

Kriteria Kelayakan

- Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh kelahiran bayi
- Ibu atau Bapa merupakan pengundi yang berdaftar di Negeri Sembilan
- Bayi lahir di Negeri Sembilan
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000.00

PERMOHONAN Inisiatif Bantuan Dialisis (Pembedahan Tapak Fistulal)

RM2,800
Kos Pembedahan

Kriteria Kelayakan

- Pemohon mesti menetap di Negeri Sembilan dan menerima rawatan di Klinik Pakar Ortopedik di hospital kerajaan.
- Permohonan akan dipanjangkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.
- Pendapatan isi rumah bawah RM4,000.
- Permohonan boleh dibuat menerusi Pusat Khidmat Rakyat DUN (Pejabat ADUN)

PERMOHONAN Inisiatif Bantuan Kewangan Kemasukan Ke IPT 2025

RM500 Peringkat Sijil / Matrikulasi / Asasi
RM750 Peringkat Diploma
RM1,000 Peringkat Diploma (STEM) / Ijazah / Sarjana / PHD
RM1,500 Peringkat Ijazah (STEM)

Kriteria Kelayakan

- Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tahun pertama pengajian
- Pemohon merupakan pengundi yang berdaftar di Negeri Sembilan
- Pemohon bermastautin di Negeri Sembilan
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000.00

PERMOHONAN Inisiatif Bantuan Belia Berkahwin 2025

RM500
Seorang

Kriteria Kelayakan

- Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh setahun dari tarikh pendaftaran perkahwinan
- Pemohon merupakan pengundi yang berdaftar di Negeri Sembilan
- Pemohon bermastautin di Negeri Sembilan
- Pemohon berumur antara 18 hingga 35 tahun
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000.00

PERMOHONAN Inisiatif Bantuan Keceriaan Warga Emas 2025

RM200
Seorang

Kriteria Kelayakan

- Pemohon kali pertama bagi tahun 2025 dan merupakan pengundi yang berdaftar di Negeri Sembilan
- Pemohon bermastautin di Negeri Sembilan
- Pemohon berumur 70 tahun dan ke atas

PENERIMA BANTUAN KECERIAAN WARCA EMAS SEDIA ADA (SEJAK 2024)

* Warga emas yang pernah terima bantuan ini pada tahun 2024 adalah diluluskan bagi tahun 2025 dan tidak perlu lagi membuat permohonan semula pada tahun ini.
* Agihan akan dibuat secara berkala mengikut musim perayaan kaum

PERMOHONAN USAHAWAN KOTEJ HALAL 2025

Geran RM5,000 diperuntukkan bagi membantu persediaan usahawan dalam menaiktaraf fasiliti dan peralatan bagi mengikut piawaian Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

*Terbuka kepada usahawan muslim di Negeri Sembilan sahaja

untuk maklumat lanjut layari laman sesawang <https://jheains.ns.gov.my/>

Imbas kod QR untuk memohon



PERMOHONAN Inisiatif Bantuan Pesakit Ortopedik Implan

Kriteria Kelayakan

- Pemohon mesti menetap di Negeri Sembilan dan menerima rawatan di Klinik Pakar Ortopedik di hospital kerajaan.
- Permohonan akan dipanjangkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.
- Pendapatan isi rumah bawah RM4,000.
- Permohonan boleh dibuat menerusi Pusat Khidmat Rakyat DUN (Pejabat ADUN)



BANTUAN SARA HIDUP MAHASISWA
Bantuan Sara Hidup Mahasiswa Anak Negeri Sembilan RM200/sebulan (RM2,400 setahun) merupakan Inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan untuk meringankan perbelanjaan anak-anak Negeri Sembilan di IPT.

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>



BANTUAN KEMASUKAN ASRAMA PENUH
Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar kemasukan baru bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 khusus kepada pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Negeri Sembilan dengan pemberian RM300 secara one-off diberikan kepada pelajar.

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>



BANTUAN KOMPUTER RIBA MAHASISWA
Bantuan Komputer Riba Anak Negeri Sembilan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan untuk membantu memudahkan proses pembelajaran anak-anak Negeri Sembilan terutama golongan asnaf dan B40 dalam pembelajaran secara atas talian.

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>



BANTUAN PERANTI TINGKATAN 6
Bantuan Peranti Tingkatan 6 Negeri Sembilan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan melalui Yayasan Negeri Sembilan untuk memberi bantuan peranti dan fasiliti kepada pelajar untuk menjalani sesi pembelajaran dengan lebih mudah

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>



BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN IPTA UNTUK PENGAJIAN DIPLOMA, IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH
Pemohon yang gagal mendapat pinjaman PTPTN layak dipertimbangkan untuk memohon pinjaman ini dengan Yayasan Negeri Sembilan.

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>



INSENTIF ANUGERAH SISWAZAH CEMERLANG ANAK NEGERI SEMBILAN
Pencapaian anak-anak Negeri Sembilan di Institusi Pengajian Tinggi Awam semakin menyerlah peningkatannya. Setiap pelajar menerima RM5,000 seorang sebagai insentif daripada Kerajaan Negeri.

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>



Rumah Harapan Rakyat Negeri Sembilan
Program ini adalah kemudahan pinjaman tanpa faedah untuk membina satu unit rumah bernilai RM85,000 untuk golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina rumah di atas sebidang tanah masing-masing.

Permohonan telah dibuka 20 Disember 2024 hingga 21 Mac 2025

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.pkns.gov.my/>



Inisiatif Tabung usahawan NEGERI SEMBILAN (TUNS)
TUNS merupakan bantuan pembiayaan secara geran berjumlah RM3,000 (yang tidak perlu dibayar balik) yang disasarkan kepada penjaja dan peniaga kecil di Negeri Sembilan. Objektif utama penubuhan TUNS ini adalah supaya lebih ramai golongan usahawan kecil dilahirkan melalui inisiatif ini.

Permohonan telah dibuka pada 15 Januari 2025 dan akan ditutup pada 31 Mac

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.pkns.gov.my/>



KURSUS TVET DI KYNS
Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS) membuka peluang kepada anak-anak Negeri Sembilan untuk menyertai Kursus Kemahiran (TVET) sepenuh masa yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Imbas kod QR untuk memohon

untuk maklumat lanjut
layari laman sesawang
<https://www.yns.gov.my/>

Ismail santuni pelajar SPM SMK Tunku Ampuan Najihah

SEREMBAN: Exco Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan, Dato' Ismail Lasim telah hadir ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Ampuan Najihah, Seremban.

Ismail berkata, kehadiran beliau ke SMK Tuanku Ampuan Najihah adalah bagi menyantuni calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekolah tersebut.

"Saya telah memberikan kata-kata nasihat serta semangat kepada semua 96 calon SPM yang berdaftar di sekolah tersebut.

"Saya juga berkongsi pengalaman menjawab soalan semasa zaman saya menduduki peperiksaan,

selain memberikan tips-tips menjawab soalan dengan mudah dan berkesan," katanya.

Ismail juga berkesempatan menyantuni pelajar-pelajar kelas muzik dan juga teater di bawah kelolaan 'Nogori Art School'.

Turut bersama hadir dalam sesi ini ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Pejabat Pendidikan Daerah Seremban dan juga pengetua sekolah, Nor Hayati Abdul Rahman.



Kita yang diamanahkan, harus beramanah

Kalimat "daripada rakyat dan untuk rakyat" bukan diulangi sebagai retorik semata-mata, tetapi diperhalusi dan ditambahbaik segala mekanisme bantuan dana dari semasa ke semasa.

Demikianlah pelaksanaan pemberian Bantuan Awal Persekolahan (BAP).

BAP dimulakan pada tahun 2012 dengan bantuan tunai one-off sebanyak RM100 kepada kelu-

arga berpendapatan isi rumah kasar RM3,000 dan ke bawah.

Pada tahun 2023, kadar BAP dinaikkan Kerajaan MADANI kepada RM150 untuk setiap murid tanpa mengira pendapatan isi rumah kasar.

Pada tahun 2025, BAP diperluaskan kepada pelajar Tingkatan Enam.

Malah, mekanisme agihan tunai ditambahbaik dengan pengkred-

itan ke dalam mana-mana akaun bank ibu bapa atau penjaga yang sah, selain kaedah sedia ada, iaitu pengkreditan ke dalam bank akaun murid dan serahan tunai, dalam tempoh 30 hari dari tarikh sesi persekolahan bermula.

Pengkreditan tidak lagi terhad kepada Bank Simpanan Nasional (BSN), tetapi meliputi semua bank.

Malah, pengeluaran wang tunai

lebih RM10,000 oleh pihak sekolah perlu dilaksanakan dengan perkhidmatan polis pengiring.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan sedaya-upaya memastikan BAP sampai ke tangan ibu bapa, agar beban mereka diringankan.

Permulaan sesi persekolahan baharu menyaksikan bagaimana anak-anak kita memasuki peringkat baharu dalam hidup mereka.

Detik saat ini harus disambut dengan senyuman pada wajah setiap murid dan ibu bapa.

FADHLINA SIDEK
Menteri Pendidikan



Pendidikan bukan pencapaian akademik semata-mata: VEERAPAN

REPAH: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Repah, Veerapan Superamiam telah merasmikan Karnival Pendidikan MADANI: Program Memperkasakan Warga Pendidikan Madani Ke Arah Kemenjadian Murid 2024 yang dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tampin.

Veerapan berkata, program yang diadakan ini merupakan usaha Pejabat Pendidikan

Daerah Tampin dalam mengukuhkan hubungan organisasi bersama-sama pemegang taruh (sekolah), agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta guru-guru daerah Tampin.

"Program ini juga adalah platform yang baik untuk mengubah persepsi ibu bapa, guru dan semua pihak terhadap pengurusan PPD serta bertujuan memperkukuh warga pendidikan, termasuk

guru, pelajar, dan pihak sekolah, dalam mencapai kesejahteraan pendidikan yang lebih holistik.

"Ini selaras dengan visi Pendidikan MADANI, yang menekankan pembangunan nilai, etika, dan keseimbangan dalam aspek intelektual, emosi, rohani, dan sosial pelajar.

"Program ini menjadi salah satu inisiatif penting dalam menyokong aspirasi



Pendidikan MADANI, di mana pendidikan bukan sahaja difokuskan kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi juga keseimbangan dalam membentuk sahsiah dan kemenjadian murid," kata

Veerapan yang juga Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan.

Noghoari Arts School lakar sejarah di Republic Czech



SEREMBAN: Noghoari Arts School Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Ampuan Najihah, Seremban melakar sejarah tersendiri selepas merangkul juara kategori Nyanyian Duo dan johan keseluruhan kategori Music Band di The 43rd International Folklore and Music Competition Prague 2024 di Republik Czech baru-baru ini.

Dengan vokal yang harmoni dan ekspresi mengagumkan menerusi lagu Mentera Semerah Padi, dua pelajar berusia 13 tahun Jeszel Iskandar Mohd Azhar dan Rayyen Fitri Syafiyudin berjaya menambat hati panel juri antarabangsa sekali gus membawa pulang gelaran juara kategori 'Nyanyian Duo Junior 1'.

Pertandingan ini diadakan dari 11 hingga 12 Disember 2024 di Radiopalac, Prague, Republic Czech.

Selain pasukan muzik dari sekolah di Negeri Sembilan, pertandingan tersebut turut disertai oleh beberapa sekolah dari negeri lain menerusi kategori berlainan.

Dalam pada itu, bagi kategori Music Band pula, kumpulan The Jang's yang terdiri daripada lima pelajar SMK Tunku Ampuan Najihah dan masing-masing seorang dari SMK Dato' Haji Mohd Redza, SMK Dato' Abdul Samad dan Sekolah Dato' Abdul Razak berusia 13 hingga 16 tahun berjaya menewaskan 40 pasukan dari seluruh dunia melalui lagu 'Medley Gema Tradisi'.

Guru Muzik SMK Tengku Ampuan Najihah, Muhamad Hazrin Ishak berkata, beliau tidak menjangkakan kemenangan berikutan ini kali pertama mereka menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa dan membawa nama Malaysia.

"Kita buat persediaan kira-kira lebih sebulan untuk pertandingan ini.

"Sebelum itu pada bulan Ogos 2024, kita menang pertandingan peringkat kebangsaan.

"Maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menawarkan untuk membawa kami (pelajar) ke pertandingan antarabangsa ini.

"Kami semua sangat teruja apabila menang, sebab banyak pasukan hebat menyertainya,



memang rasa berbesar hati mewakili negara ke persada dunia, apatah lagi kami baharu sahaja tubuhkan pasukan The Jang's di bawah Noghoari Arts School," katanya.

Menurut Muhamad Hazrin lagi, kejayaan ini juga pencapaian terbesar Noghoari Arts School dan Negeri Sembilan, sekali gus membuktikan bakat seni tanah air mampu bersaing di peringkat antarabangsa selain sebagai pemangkin untuk kumpulan itu terus maju.

"Kejayaan ini hasil kerja keras, dedikasi dan latihan insentif pelajar selain bantuan daripada pelbagai pihak terutama Kerajaan Negeri Sembilan.

"Kejayaan ini pastinya menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk terus cemerlang dalam bidang seni dan budaya," ujar Muhamad Hazrin.

Pengetua SMK Tunku Ampuan Najihah, Nor Hayati Abdul Rahman turut menzahirkan penghargaan dan rasa bangga di atas kejayaan pasukan itu mengharumkan nama negeri dan negara, sekali gus berharap lebih banyak penyertaan seperti itu pada masa hadapan.

"Alhamdulillah, kita berjaya ke peringkat antarabangsa dan mencapai kemenangan.

"Terima kasih kepada semua pelajar dan guru yang melatih mereka, lagi pula Noghoari Arts School baharu 'setahun jagung' ditubuhkan.

"Hasrat saya untuk menghantar penyertaan dalam semua bidang termasuk teater, seni tari dan seni visual di arena antarabangsa," kata Nor Hayati. (BERNAMA)

Malaysia jadi hab peranti perubatan dunia



KUALA LUMPUR: Menteri Kesihatan, Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, Malaysia berpotensi besar menjadi hab pelaburan, penyelidikan, dan inovasi, terutama dalam sektor peranti perubatan yang terus berkembang pesat.

"Sistem penjagaan kesihatan yang kukuh, pelaburan strategik, dan tenaga kerja berkemahiran tinggi telah menjadikan Malaysia salah satu pusat peranti perubatan terbesar dan paling menarik di Asia Tenggara dan dunia, dengan nilai pasaran

melebihi RM10 bilion pada tahun 2023.

"Malaysia kini menjadi destinasi pilihan bagi lebih 200 pengeluar peranti perubatan tempatan dan lebih 30 syarikat multinasional.

"Kita juga berbangga menjadi pengeluar sarung tangan nombor satu dunia, memenuhi 60 peratus permintaan global," katanya.

Dzulkefly berkata demikian di Pameran dan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa

(IMDEC) 2024, yang berlangsung serentak dengan Mesyuarat Tahunan ke-28 Global Harmonization Working Party (GHWP).

Beliau juga menyampaikan ucapan bertajuk 'Malaysia as a Hub for Medical Device Investment, Research, and Innovation'.

Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah menyempurnakan majlis penutupan.

Turut hadir, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Dato' Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Dalam pada itu, Dzulkefly turut melancarkan Intellis Automated Peritoneal Dialysis Cycler dan ventilator VS1, yang juga akan dieksport ke pasaran utama seperti Amerika Syarikat, Jerman, dan Belgium.

"Usaha ini selaras dengan gagasan besar Malaysia MADANI, yang mana inovasi

adalah salah satu tonggakunya.

"Malaysia akan terus komited untuk memacu sektor peranti perubatan demi memperkukuhkan ekonomi, serta meningkatkan kualiti kesihatan rakyat dan di peringkat global.

"Jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat menjayakan IMDEC2024, terutamanya pasukan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)," ujar Dzulkefly.

Demografi muda, digital dan dinamik menarik pelaburan AI

KUALA LUMPUR: Forum Ekonomi Malaysia 2025 (FEM2025) yang julung kali diadakan adalah platform penting untuk menetapkan hala tuju ekonomi negara, memastikan ketelusan, dan mencetuskan perbincangan tentang peranan Malaysia dalam landskap global yang kian berubah.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, Asia Tenggara, termasuk Malaysia, berada pada kedudukan unik untuk memimpin pada dekad ini.

"Menjelang 2030, 65 peratus daripada penduduk rantau ini akan tergolong dalam kelas pertengahan dan lebih besar daripada populasi Amerika Syarikat dan EU digabungkan,

menjadikan kita kuasa besar dalam kepenggunaan dan inovasi.

"Profil demografi kita iaitu muda, digital, dan dinamik telah menarik pelaburan dalam AI; tenaga boleh diperbaharui, dan infrastruktur digital, peluang yang Malaysia bersedia memanfaatkan sepenuhnya," ujar beliau.

Menurut Rafizi, di sebalik arus dasar perlindungan global yang semakin meningkat, Asia Tenggara terus unggul melalui perdagangan bebas dan kerjasama.

"Sebagai rantau paling aktif berdagang, pertumbuhan kita bergantung kepada kerjasama, bukan pengasingan.

"Keterbukaan ini mendorong inovasi dan menjadi kunci untuk keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan.

"Dari sudut politik pula, Asia Tenggara turut menonjol.

"Ketika dunia semakin terpolarisasi, pragmatisme kita membolehkan dasar berorientasikan pertumbuhan terus berkembang merentasi pentadbiran," jelas Rafizi.

Rafizi menambah, gabungan kestabilan dan kepimpinan progresif memastikan Malaysia kekal fokus pada kemajuan ekonomi.

"Malaysia menghayati realiti ini.

"Sebagai negara Kecil, Terbuka, dan Tidak Berpihak [Small, Open and Non-Aligned (SONA)], kita mengamalkan pendekatan globalis menerusi pelancaran Rancangan Malaysia Ke-13 tahun ini, memastikan dasar kita mencerminkan keperluan era transformasi ini.

"Setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan kongsi kami Maybank, CGS International Malaysia, Bursa



Malaysia, dan MBSB Bank serta semua peserta yang telah hadir," kata Rafizi.



Fasa pertama pembangunan MVV City unjur GDV RM15 bilion



SEREMBAN: Pembangunan bandar pintar MVV City akan mentransformasikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang strategik untuk menarik minat para pelabur antarabangsa dan tempatan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, fasa pertama pembangunan MVV City meliputi kawasan seluas 952 hektar dengan unjuran Nilai Pertumbuhan Kasar (Gross Development Value-GDV) sebanyak RM15 bilion.

MVV City akan dibangunkan bersama oleh Matrix Concepts dan NS Corporation melibatkan keluasan keseluruhan 3,560 hektar.

"Projek MVV City ini

merangkumi beberapa sektor pembangunan termasuk perumahan, komersial dan industri, serta pusat pendidikan dan inovasi.

"Lokasi strategik MVV 2.0 bakal mewujudkan sistem rangkaian infrastruktur yang pintar, selamat dan mampan.

"MVV City berdekatan dengan lebuh raya utama termasuk KLIA dan potensi bagi laluan pengangkutan moden seperti Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), MVV 2.0 disasarkan menjadi metropolis bertaraf dunia.

"HSR dilihat dapat menjadi pemangkin transformasi sosio-ekonomi dengan menghubungkan kita semua kepada pasaran serantau dan global, mewujudkan kelompok

ekonomi yang dinamik serta membuka peluang baharu untuk perdagangan dan pelaburan," kata Aminuddin.

Aminuddin menambah, MVV City boleh diiktiraf sebagai bandar raya bersepadu pertama dalam kawasan MVV 2.0 dengan skala yang besar.

"Gabungan amalan lestari beserta reka bentuk inovatif, bandar ini bakal menyatukan infrastruktur canggih dan teknologi pintar untuk meningkatkan kehidupan seharian.

"Sebagai ekosistem yang berkembang pesat, MVV City bakal menjadi pusat kepada zon industri berteknologi tinggi, kawasan perumahan premium, pusat perniagaan yang dinamik, dan institusi

pendidikan bertaraf dunia, khususnya institusi pengajian tinggi yang akan membentuk pemimpin masa depan dengan inovasi dan teknologi yang moden.


"Tumpuan Matrix Concepts terhadap pembangunan industri yang kukuh, pembangunan bercampur, dan kediaman memastikan bahawa MVV City bukan sahaja akan merencanakan aktiviti pelaburan, tetapi juga mewujudkan peluang yang saksama untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan.

"Saya yakin bahawa rekod prestasi cemerlang Matrix yang terbukti melalui kejayaan Bandar Sri Sendayan, akan menjadi asas yang kukuh

untuk pertumbuhan dan kejayaan MVV City," ujar Aminuddin.

Aminuddin berkata, MVV 2.0 merupakan pemangkin strategik bagi transformasi Negeri Sembilan kepada status negeri dengan ekonomi berpendapatan tinggi.

"Dengan mempromosikan penambahbaikan rantaian nilai dan menggalakkan pertumbuhan industri yang inklusif, MVV 2.0 dijangka akan mewujudkan ribuan peluang pekerjaan dan perniagaan yang berkualiti dalam sektor-sektor seperti pembuatan, logistik, dan industri hijau," katanya lagi di Majlis Pecah Tanah MVV City.



MAINS sumbang Kubah Pengering Solar, bantu nelayan tingkatkan pasaran ikan kering



PORT DICKSON: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah menyumbang Kubah Pengering Solar kepada Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang, Port Dickson.

Pengerusi MAINS, Dato' Seri Dr. Abdul Aziz Sheikh Ab. Kadir berkata, Kubah Pengering Solar yang disumbangkan melalui dana wakaf ini mampu mempertingkatkan kualiti dan nilai komersial hasil tangkapan nelayan.

"Dengan teknologi ini, ikan dapat dikeringkan secara lebih efisien, bersih dan konsisten sekali gus meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran.

"Sebelum adanya Kubah Pengering Solar ini, nelayan terpaksa mengambil masa tiga hingga empat hari untuk mengeringkan ikan tetapi sekarang nelayan hanya perlu mengambil masa empat hingga lima jam untuk menghasilkan ikan kering.

"Hal ini dapat meningkatkan kuantiti ikan kering untuk dibekalkan ke pasaran dan memberikan peluang kepada nelayan untuk menembusi pasaran yang lebih luas sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa," kata beliau.

Abdul Aziz menambah, Kubah Pengering Solar ini bukan sahaja memberikan kemudahan kepada komuniti nelayan tetapi juga membawa nilai tambah kepada sektor perikanan di Teluk Kemang.

"Saya percaya teknologi ini akan menjadi pemangkin kepada usaha-usaha inovatif yang lain dalam bidang perikanan seterusnya membantu meningkatkan taraf hidup komuniti nelayan dan membuka lebih

banyak peluang pekerjaan di kawasan Telok Kemang ini.

"Kubah Pengering Solar kepada Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang adalah salah satu inisiatif untuk memperkasakan ekonomi komuniti nelayan di kawasan Telok Kemang ini.

"Kubah Pengering Solar ini adalah hasil daripada dana wakaf yang dikumpulkan melalui inisiatif wakaf MAINS.

"Dana ini telah disumbangkan oleh orang ramai yang ingin menyemai kebaikan dalam masyarakat khususnya dalam membantu golongan yang memerlukan.

"Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar melalui penggunaan teknologi mesra alam tetapi juga memberikan peluang kepada para nelayan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta hasil pendapatan mereka," jelas Abdul Aziz.

Menurut Abdul Aziz, sumbangan Kubah Pengering Solar adalah bukti bagaimana perkhidmatan wakaf dapat dimanfaatkan secara kreatif dan inovatif.

"MAINS sentiasa komited untuk memperluaskan manfaat wakaf kepada pelbagai sektor kehidupan sejajar dengan matlamat untuk memperkasakan umat Islam melalui pendekatan yang holistik dan mampan.

"Wakaf bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa tetapi juga untuk mewujudkan kesinambungan manfaat kepada generasi akan datang.

"Selain itu peranan wakaf juga dapat menyokong pembangunan ekonomi negeri dan

mengurangkan kebergantungan kepada sumber kewangan lain," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata, wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAINS.

Melalui dana Wakaf MAINS pelbagai program telah dilaksanakan untuk memperkukuhkan ekonomi umat Islam di Negeri Sembilan.

Dana wakaf telah digunakan untuk membangunkan projek-projek yang memberikan impak langsung kepada golongan asnaf termasuklah dalam bidang pembangunan, pendidikan, kesihatan, dan sosio ekonomi.

"Saya ingin menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan program ini termasuk Bank Muamalat dan para penyumbang wakaf yang telah menunjukkan keprihatinan terhadap kebajikan umat Islam serta usaha pihak PERHEBAT turut sama menyiapkan platform/tapak kubah pengering solar ini.

"Sesungguhnya, setiap usaha yang kita lakukan hari ini adalah langkah kecil yang membawa kepada perubahan besar dalam kehidupan golongan asnaf dan komuniti nelayan.

"Adalah diharapkan kerjasama erat seperti ini dapat diteruskan di masa hadapan dan manfaatnya dapat dinikmati oleh lebih ramai pihak.

"Semoga segala usaha kita diberkati Allah SWT dan menjadi inspirasi kepada masyarakat untuk terus memberikan sokongan kepada inisiatif-inisiatif wakaf yang seterusnya," kata Abdul Aziz.



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

TAHNIAH!

PARA PEMENANG KUIZ ZAKAT PERNIAGAAN

<p>HADIAH PERTAMA 1</p> <p>Sepasang Kambing Hidup</p> <p>Nur Syakirah binti Mustapha Kamal</p>	<p>HADIAH KEDUA 2</p> <p>Televisyen Pintar</p> <p>Muhammad Muaz bin Hassan</p>
<p>HADIAH KETIGA 3</p> <p>Sijil Simpanan Premium BSM berjumlah RM1,000</p> <p>Siti Sallihah binti Sohaini</p>	<p>HADIAH KE-4 4</p> <p>Ketuhar Gelombang Mikro</p> <p>Muhammad Alif Fitri bin Hanipa</p>
<p>HADIAH KE-5 5</p> <p>Penggereng Udara (Air Fryer)</p> <p>Rahimah binti Asraf</p>	<p>IIX SAGUHATI RM100</p> <p>Muhammad Zakwan bin Mahadi Syarizuan bin Mazlan Mohd. Adzil bin Mohd. Zin Zulaikha binti Juma Khan Mohd. Riza bin Mohd. Jan Almar Firdaus</p> <p>Mohd. Yusof bin Sojahan Mohd. Faiz bin Alias Issharina binti Bahari Mohamad Jeffri bin Abdul Aziz Tuan Hamdan bin Tuan Ismail</p>

*Kesemua pemenang akan dihubungi melalui panggilan telefon atau WhatsApp.
*Cambar hadiah hanyalah untuk ilustrasi sahaja.

MAINS umum pemenang Kuiz Zakat Perniagaan

Tahniah kepada semua pemenang Kuiz Zakat Perniagaan yang lalu.

Insya Allah, pada tahun ini, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) akan teruskan dengan kuiz dan

hadiah-hadiah yang lebih menarik lagi. Ingat semua, zakat menyubur dan mengembangkan perniagaan anda.

'Untung diraih, berkat ditagih'.

Terapkan itqan dalam pekerjaan



Kita baru sahaja menginjak ke tahun 2025 dan sudah tentu setiap tahun kita mempunyai satu semangat baharu untuk di bawa ke tahun tersebut.

Oleh itu, satu semangat yang saya ingin kongsi kepada anda semua adalah sifat 'itqan' atau tekun dalam pekerjaan.

Itqan bermaksud beramal atau melaksanakan sesuatu pekerjaan secara sempurna disertai dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud sesungguhnya Allah mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukannya dengan itqan (bersungguh-sungguh) (Hadis riwayat al-Tabrani).

Nabi Muhammad SAW juga merupakan seseorang yang sangat rajin dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

Hal ini menyebabkan beliau dikenali sebagai Al-Amin dalam kalangan masyarakat Arab kerana sifat jujur dan berakhlak mulia. Allah SWT memberi ganjaran serta mengasihi

orang yang tekun dalam melaksanakan sesuatu perkara.

'Dan katakanlah (wahai Muhammad), beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan', Al-Taubah, 105.

Sifat itqan ini juga yang membezakan antara orang yang benar-benar berusaha dengan orang yang hanya sambil lewa dalam bekerja.

Melalui sifat itqan ini, ia akan menambahkan keberkatan dalam setiap perkara yang kita lakukan.

Jadi marilah kita beramai-ramai berusaha menerapkan sifat itqan ini dalam diri kita untuk tahun ini.

Sifat itqan Nabi Muhammad SAW dalam berniaga menghasilkan keuntungan yang lumayan.

WAN EDZWAN ASHRAF



KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN PELANTIKAN MANA-MANA PIHAK DALAM URUSAN PEMBINAAN MASJID DI DAERAH SEREMBAN & JELEBU

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) menafikan dan menegaskan bahawa tidak pernah melantik mana-mana pihak dalam urusan pembinaan Masjid di dalam daerah Seremban dan Jelebu di Negeri Sembilan. Urusan pembinaan masjid di negeri ini adalah di bawah Kerajaan Negeri Sembilan melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Sehubungan itu, pihak MAINS menasihati seluruh lapisan masyarakat sentiasa *tabayyun* (menyemak asas kebenarannya) sebelum mempercayainya dan menyebarkannya (maklumat yang diragui) kepada pihak lain.

Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menjanjikan pelantikan sebagai konsultan, kontraktor atau apa-apa pelantikan berkaitan pembinaan Masjid di Negeri Sembilan ianya adalah TIDAK BENAR dan PALSU. Pihak MAINS menyarankan kepada mana-mana orang yang terpedaya dengan tawaran pelantikan tersebut hendaklah membuat laporan di Balai Polis yang berhampiran.

SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)
16 JANUARI 2025

Makan Segara Sederhana

Allah SWT berfirman, maksudnya:
"Makanlah dan minumlah, tetapi jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan."
 (Surah Al-A'raf, 7:31)

PERMOHONAN USAHAWAN KOTEJ HALAL 2025

- ✓ GERAN SEHINGGA RM5,000
- ✓ BIMBINGAN SEPENUHNYA OLEH JHEAINS

TERBUKA KEPADA USAHAWAN MUSLIM DI NEGERI SEMBILAN SAHAJA

SKIM PENSIJILAN YANG DITAWARKAN :

1. PRODUK MAKANAN
2. PREMIS MAKANAN
3. PUSAT SEMBELIHAN

SILA IMBAS UNTUK PENDAFTARAN

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)

Ladang nanas MPOWER B40 untuk bekas penagih dadah

JELEBU: Pemerksaan komuniti luar bandar dan pertanian antara fokus Exco (Kanan) Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi Negeri Sembilan, Dato' Seri Jalaluddin Alias.

Jalaluddin yang juga Exco Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup berkata, beliau amat menyokong mana-mana pihak yang ingin bersama kerajaan untuk menjayakan agenda ini.

"Apatah lagi jika mereka yang ingin membantu itu adalah golongan yang memiliki kepakaran bidang berkaitan.

"Atas dasar itulah saya mengalu-alukan pasukan daripada Universiti Malaya yang telah menggerakkan Program Ladang Nanas MPower B40.

"Program ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta yang terdiri daripada bekas-bekas penagih dan yang memiliki masalah kesihatan mental.

"Difahamkan, para peserta akan diberi bayaran khusus bagi menguruskan ladang sebesar tiga ekar tanah di Jelebu.

"Syabas kepada Dr.Rusdi Abdul Rashid

selaku ketua projek kerana telah mengambil inisiatif untuk membantu golongan B40 terpinggir ini," kata Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu.

Jalaluddin berkata, beliau meletakkan harapan yang tinggi iaitu ingin melihat golongan B40 terpinggir ini akan mampu mengubah taraf hidup mereka dari semasa ke semasa.



JAWATANKUASA BERTINDAK PERTANIAN, KETERJAMINAN MAKANAN & KOS SARA HIDUP NEGERI SEMBILAN

SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI

Menyemai Perlindungan, Menuai Kesejahteraan
Sumbangan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan

PELAN INI MELINDUNGI KEMUSNAHAN TANAMAN PADI AKIBAT:

- ✓ **Bencana alam sehingga RM3,000.00** sehektar semusim atau ;
- ✓ **Serangan makhluk perosak dan penyakit tanaman sehingga RM1,500** sehektar semusim

SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI
Menyemai Perlindungan, Menuai Kesejahteraan
Sumbangan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan

JAWATANKUASA BERTINDAK PERTANIAN, KETERJAMINAN MAKANAN & KOS SARA HIDUP NEGERI SEMBILAN

KELAYAKAN
Semua pesawah padi individu warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang berdaftar dengan agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan merupakan pemegang akaun (akaun pendeposit atau pembiayaan) Agrobank.

PERLINDUNGAN

- ✓ Bencana alam sehingga **RM3,000.00** sehektar semusim atau ;
- ✓ Serangan makhluk perosak dan penyakit tanaman sehingga **RM1,500** sehektar semusim.

**Tertakluk kepada deklarasi wabak oleh Pihak Berkuasa.*

PENDAFTARAN
Mendaftar melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) semasa proses pendaftaran atau semakan untuk Skim Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) atau Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB).

- **Borang pendaftaran Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) dan borang pembukaan akaun Agrobank boleh didapati di PPK berhampiran.**

**Tempoh pendaftaran ditetapkan sebelum musim penanaman padi*

TUNTUTAN DAN PENYELESAIAN

- Dokumen tuntutan diserahkan kepada PPK untuk tindakan selanjutnya

Penyelesaian tuntutan akan diproses setelah menerima pengemukaan borang yang lengkap, dan sekiranya diluluskan akan dikreditkan secara terus ke dalam akaun Agrobank pemohon (Pesawah).

**Borang tuntutan, laporan polis, gambar kawasan yang terjejas dan salinan kad pengenalan perlu dilampirkan.*

SUMBANGAN
Dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan

MAKLUMAT LANJUT
Agro Captive Takaful Limited (ACTL) merupakan anak syarikat milik penuh Agrobank. Skim ini adalah dibawah penyeliaan Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)

Dengan Kerjasama

Buya Hamka dan al-Hilmi: NOTA KEMERDEKAAN MALAYA



BAHAGIAN AKHIR

Kecintaan Buya Hamka terhadap Malaya yang dianggap sebahagian tanah airnya sendiri dirasakan sangat dalam sehingga sahaja mendengar Malaya bakal merdeka mengiringi saudaranya Indonesia betapa gembira hatinya, laksana kekasih mendengar khabar kepulauan yang dicintai.

Sebagai seorang Indonesia beliau menuntut Irian Jaya daripada pangkuan Belanda.

Tetapi, kecintaan beliau kepada Malaya lebih bergetar dirasakan.

Buya Hamka tidak membahagi-bahagikan cintanya kepada kedua tanah air ini.

Tetapi, menurut beliau secara bahasa, agama dan budaya, jiwanya lagi terbuka menghadapi Malaya.

Rumpun Melayu yang sama uratnya dagingnya dengan Buya Hamka.

Cuma, mengalami persamaan nasib berbeza selepas gagasan penubuhan negara raya yakni percantuman wilayah alam Melayu Nusantara ini di bawah sebuah negara Indonesia Raya atau Melayu Raya telah gagal.

Gagasan ini dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Soekarno, Muhammad Yamin, Ibrahim Yaacob, Burhanuddin Hilmi seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Buya Hamka membincangkan perihal tonggak-tonggak negara Malaya yang baru muncul itu.

Sungguh luas pemerhatian, kesan halus jiwanya itu, kerana yang sedang dibicarakan itu adalah bahagian daripada alam

kehidupannya sebagai anak Minangkabau dari Sumatera, yang menurut beliau sepotong daripada kebudayaan Melayu juga.

Perihal nama Malaya, kebangsaan Melayu, kedudukan agama Islam, kedudukan ulama dan raja-raja, bahasa dan kebudayaan Melayu yang ada antaranya beliau tidak dapat nikmati di negaranya sendiri.

Indonesia yang memakai sistem Republik telah meletakkan dasar Pancasila sebagai tapak telah menghilangkan tonggak-tonggak Melayu itu. Justeru harapan beliau tertanam kepada negara Malaya.

Di Malaya juga karangan-karangan beliau mendapat perhatian. Ketika Kongres Bahasa Melayu diadakan pada tahun 1956 yang mana Za'ba dianugerahkan gelar Pendeta, Ungku Aziz sebagai Setiausaha.

Buya Hamka awalnya tidak diminta sebagai mewakili rasmi Indonesia. Namun gelojak jiwa dan kecintaan tinggi terhadap bahasa Melayu menyebabkan beliau mengutus surat kepada Za'ba memohon untuk hadir sebagai pendengar, pelajar dan penambah pengetahuan.

Bukankah beliau seorang yang ahli? Ketika Indonesia mahu membangunkan nafas baru pada bangsa yang akan dilahirkan, mereka giat sekali memisahkan bau Arab dalam Bahasa Indonesia.

Ni'mat ditukar nikmat, hampir-hampir kepada niqmat yang bererti bencana. Beberapa huruf sebutan Melayu yang sesuai dengan bunyi al-Quran dihapuskan demi mengIndonesiakan.

Tetapi, beliau kesal mengapa pengaruh Arab tidak dibenarkan, tetapi pengaruh Belanda dan Inggeris dipersilakan.

Bahasa Melayu yang menurut Prof. Al-Attas telah mengalami revolusi rohaniah dengan membanjirnya istilah Arab dan Parsi yang layak mendaki makna-makna kudus dan metafizik yang tinggi.

Begitu juga tentang peranan ulama, kedudukan raja-raja sebagai pemelihara agama, kebudayaan Melayu yang kecintaan Buya Hamka pada perkara itu disuluh oleh iman.

Semuanya beliau tuangkan bersama gelas cinta itu dalam persembahan hidangannya bertajuk 'Kenangan-kenanganku di Malaya'.

"Akan sampailah seseorang kepada kedudukan yang dicita-citanya, kalau dia tidak dihantarkan oleh sanjungan dan celaan? Oleh pujian dan penghinaan?"

"Tentu tidak. Di Indonesia dan Malaya, saya selalu mendapat sanjungan dan celaan, pujian dan penghinaan, kadang-kadang disinduk gajah, kadang-kadang digigit nyamuk dan semuanya itu hanya menambah cinta saya kepada tanah air saya, Indonesia dan Malaya" (KKDM, Hlm. 221).

Buya Hamka contoh peribadi pemuda yang bergelora. Saat pena tidak berguna lagi ketika Indonesia mendarurat pada tahun 1948 – 1949, beliau menyertai gerombolan tentera merah putih masuk ke dalam hutan turut sama mengangkat senjata.

Seorang ulama yang tahu perihal di mana keutamaan dan di mana sebenarnya kepemudaan patut ditumpahkan dahulu.

"Bunuh dirikah namanya seorang yang merasa terpanggil oleh tanah airnya tampil ke medan perang mempertahankan tanah air itu, sehingga dia tewas di medan perang?"

"Tidak! sebab mempertahankan tanah air adalah kewajiban segenap putra tanah air. Mati dalam mempertahankan tanah adalah mati dalam membayar kewajiban" (Lembaga Budi, 2015, hlm. 52).

Artikel ini disudahi dengan sama-sama kita merenung kata-kata yang digoreskan oleh 'Putera Besar Melayu Raya' seperti di bawah ini:

"Kita jangan takut jatuh dalam perjuangan, sebab kita tidak akan jatuh lagi.

"Sebagai anak jajahan kita telah berada di tempat yang paling rendah dan sudah tidak ada tempat yang lebih rendah lagi buat kita jatuh" - Burhanuddin Al-Helmy (1911-1969).

Benarlah, tidak ada kejatuhan yang lebih menyayat hati selain jatuh di tempat paling rendah sebagai bangsa terjajah di tanah air sendiri.

Dr. Burhanuddin al-Hilmi, bukanlah dihitung sebagai bapa kemerdekaan rasmi tetapi beliau cumalah berjasa, jauh membayangkan erti kemerdekaan hakiki.

Bukan sekadar melepaskan tubuh daripada perbudakan sahaja, tetapi membebaskan akal fikiran, jiwa dan keperibadian untuk kemudiannya sanggup memikul beban amanah Tuhan di atas muka bumi dan menanggung derita rakyat - manusia yang merintah dari bawah ialah Khalifah.



MUHAMAD HANAPI JAMALUDIN
Presiden Benevolent

Empat planet yang boleh dilihat di awal tahun 2025

Kedudukan setiap planet berbeza-beza jaraknya.

Walaupun planet tersebut terlihat saling bersebelahan, namun kedudukan planet-planet tersebut masih di orbit masing-masing.

Maka, bagi bulan Januari dan Februari 2025 adalah waktu yang sesuai untuk melihat dan mengenal kedudukan planet di langit malam.

4 PLANET YANG BOLEH DILIHAT DI AWAL TAHUN 2025

- Planet Marikh, Musytari, Zuhrah dan Zuhrah boleh dilihat dengan mata kasar selepas waktu Maghrib, seawal jam 8:00 malam.
- Planet Uranus dan Neptun sukar dikesan melalui mata kasar kerana kedudukannya yang terlalu jauh.

Mah Cantiknya

Rajah diatas adalah ilustrasi yang diambil melalui aplikasi Stellarium. Lokasi di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 15 Januari 2025, jam 8:30 malam.

Sumber: Aplikasi Stellarium

Boleh dilihat menggunakan mata kasar. Sesuai dilihat menggunakan alat optik seperti teleskop atau binokular.

www.bctkpd.com @bctkpd @majlisagamaislamns

CARA MENGENAL KEDUDUKAN PLANET

Muat turun aplikasi peta langit di telefon pintar.

- Tetapkan lokasi dengan menekan pada gambar tiga palang melintang di kiri atas aplikasi. Tekan pada pilihan "Setting" dan pilih pada "Use Auto location".
- Tekan pada pilihan carian di bahagian kanan atas aplikasi dan taip nama planet yang ingin dicari.
- Halakan telefon ke langit dan aplikasi akan memberi arah kedudukan planet yang ingin dicari.

Mudah kan?

Aplikasi: Stellarium

www.bctkpd.com @bctkpd @majlisagamaislamns

4 PLANET YANG BOLEH DILIHAT DI AWAL TAHUN 2025

- Kesemua planet tersebut boleh dilihat pada satu malam sepanjang Januari hingga Februari 2025.
- Planet Zuhrah akan mula rendah di ufuk Barat menjelang pertengahan Februari selepas sahaja Matahari terbenam.

Mudah kan?

Rajah diatas adalah ilustrasi yang diambil melalui aplikasi Stellarium. Lokasi di Port Dickson, Negeri Sembilan pada 15 Februari 2025, jam 8:30 malam.

Sumber: Aplikasi Stellarium

Boleh dilihat menggunakan mata kasar. Sesuai dilihat menggunakan alat optik seperti teleskop atau binokular.

www.bctkpd.com @bctkpd @majlisagamaislamns

IJN akan diswastakan?

PENGUMUMAN

PENJELASAN BERKAITAN MAKLUMAT PALSU MENGENAI IJN

Pihak kami ingin memaklumkan bahawa mesej yang tersebar secara meluas melalui aplikasi WhatsApp, yang mendakwa bahawa IJN (Institut Jantung Negara) tidak lagi menyediakan rawatan percuma dan akan diswastakan, adalah **tidak benar** dan tidak berasas sama sekali. Dakwaan tersebut juga menyatakan bahawa pesakit diminta untuk memindahkan rawatan mereka ke hospital lain.

Kami ingin menegaskan bahawa maklumat ini adalah palsu. Tiada sebarang taklimat atau pengumuman rasmi yang dibuat oleh IJN berkaitan perkara tersebut. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak mempercayai mesej tersebut dan tidak menyebarkannya lebih lanjut.

Sebagai pusat pakar jantung terkemuka di Malaysia, IJN tetap komited untuk menyediakan rawatan berkualiti tinggi kepada semua pesakit kami, termasuk mereka yang dirujuk dan ditaja oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebarang pengumuman atau maklumat rasmi hanya akan disalurkan melalui saluran rasmi IJN seperti:

- Laman web rasmi IJN
- Platform media sosial rasmi IJN
- Komunikasi secara terus dengan pesakit

Sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi kami di 03-2617 8200 atau e-mel ke heart@ijn.com.my.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan keprihatinan anda dalam memerangi penyebaran maklumat palsu.

Institut Jantung Negara (IJN)
Malaysia's Heart Specialist Centre

Pihak kami ingin memaklumkan bahawa mesej yang tersebar secara meluas melalui aplikasi WhatsApp, yang mendakwa bahawa IJN (Institut Jantung Negara) tidak lagi menyediakan rawatan percuma dan akan diswastakan, adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Dakwaan tersebut juga menyatakan bahawa pesakit diminta untuk memindahkan rawatan mereka ke hospital lain.

Kami ingin menegaskan bahawa maklumat ini adalah palsu. Tiada sebarang taklimat atau pengumuman rasmi yang dibuat oleh IJN berkaitan perkara tersebut. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak mempercayai mesej tersebut dan tidak menyebarkannya lebih lanjut.

Sebagai pusat pakar jantung terkemuka di Malaysia, IJN tetap komited untuk menyediakan rawatan berkualiti tinggi kepada semua pesakit kami, termasuk mereka yang dirujuk dan ditaja oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebarang pengumuman atau maklumat rasmi hanya akan disalurkan melalui saluran rasmi IJN seperti:

- Laman web rasmi IJN
- Platform media sosial rasmi IJN

Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan keprihatinan anda dalam memerangi penyebaran maklumat palsu.

Institut Jantung Negara (IJN)

KUTIPAN HASIL NEGERI SEMBILAN 2024:

Sasaran RM520 juta:

TAHNIAH buat semua PEJABAT DAERAH & TANAH DI NEGERI SEMBILAN.

TERIMA KASIH buat semua pembayar cukai Tanah/Cukai Petak di Negeri Sembilan kerana menyumbang hasil dan pembangunan.

2023: Sasaran - RM450 juta Kutipan RM541.29 juta

Yang dicapai RM636 juta

RM5.59 juta: Ganti 27 kenderaan usang dan beli 18 dron untuk pantau projek MARRIS

Sasaran 5 tahun akan datang RM1 bilion megat

HANTAR KARYA ANDA!

Negeri Kita membuka ruang kepada seluruh rakyat Negeri Sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan Negeri Kita edisi akan datang.

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Hantar ke: bmsmedia.ns@gmail.com

dan terima cenderahati dari pihak negerikita.

Sila sertakan nama, alamat dan nombor telefon.



33 pengusaha di Pantai Teluk Kemang terima payung pantai dari Arul Kumar



PORT DICKSON: Port Dickson mempunyai 11 pantai peranginan dan sebelum ini tiga pantai, iaitu Pantai Teluk Kemang, Pantau Tanjung Biru dan Pantai Cermin mempunyai isu khemah biru dan viral dengan pelbagai reaksi netizen dan pengunjung.

Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan pemasangan khemah biru atau payung di Pantai Tanjung Biru dan Pantai Cermin.

Pantai Teluk Kemang juga tidak dibenarkan untuk pemasangan khemah biru tetapi digantikan dengan payung pantai yang lebih menarik dan tersusun.

Justeru itu, Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, J.Arul Kumar telah menyerahkan lapan payung, 16 kerusi dan lapan meja kepada setiap pengusaha yang melibatkan 33 pengusaha di Pantai Teluk Kemang.

"MPPD telah menyediakan 33 plot dan setiap perniagaan payung pantai dibenarkan di plot tersebut sahaja dengan syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh MPPD.

"Pantai Teluk Kemang mempunyai pantai sepanjang 1.2 kilometer dan penyediaan 33 plot ini melibatkan 600 meter sahaja.

"Ini bermaksud hanya separuh pantai sahaja daripada keseluruhan Pantai Teluk Kemang mempunyai plot untuk pemasangan payung pantai dan separuh lagi masih terbuka.

"Keputusan ini adalah satu keputusan win-win melibatkan semua pihak, iaitu MPPD, pengusaha dan pengunjung," jelas Arul Kumar.

Menurut Arul Kumar, memang ada pandangan tidak bersetuju dengan kebenaran payung pantai ini juga.

"Tetapi kita juga perlu mengambil kira kesan kepada 33 pengusaha yang bergantung kepada sumber pendapatan ini lebih 10 tahun.

"Tetapi dalam pada masa sama pengusaha juga perlu patuh kepada setiap arahan MPPD dan tidak boleh

menutup atau memonopoli mana-mana kawasan di pantai awam tersebut.

"Penyerahan payung pantai ini adalah sumbangan daripada MPPD untuk menyelesaikan isu khemah biru yang telah berlarutan lebih lima tahun," kata Arul Kumar.

Turut hadir, Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Nicole Tan Lee Koon serta Exco Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Dato' Mohd Faizal Ramli yang juga ADUN Angkat DUN Bagan Pinang.



Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan memimpin dan membugar harapan



Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan (Wanita PH NS) telah mengadakan Konvensyen Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan Kedua pada 12 Januari 2025 di Dewan Tanjung 1, Ancasa Resort, Port Dickson.

Konvensyen tersebut merupakan acara kemuncak pemukiman dua hari satu malam yang disertai oleh parti komponen iaitu Keadilan, DAP dan Amanah yang diwakili oleh pimpinan sayap wanita masing-masing.

Perjalanan sebagai seorang wanita dalam arena kepemimpinan bukanlah mudah, namun kita telah membuktikan bahawa wanita mampu memimpin dengan cemerlang dan membawa perubahan bermakna kepada masyarakat.

Kepemimpinan wanita di Negeri Sembilan telah menunjukkan pencapaian yang sangat membanggakan.

Sebagai pemimpin wanita, kita memikul tanggungjawab besar, bukan sahaja perlu memimpin dengan cemerlang, tetapi juga perlu menjadi mentor dan pembimbing kepada generasi akan datang.

Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, kita harus memastikan bahawa nilai-nilai integriti, keadilan, dan

kesaksamaan sentiasa menjadi pegangan.

Kita perlu berdiri teguh sebagai inspirasi kepada mereka yang mencari kekuatan untuk melangkah maju, terutama dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Kita juga harus berusaha untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan wanita, kerana hanya melalui sokongan bersama dapat mencipta impak yang lebih besar dalam masyarakat.

Marilah kita menjadikan kepemimpinan ini bukan sekadar satu gelaran, tetapi satu amanah untuk membawa perubahan yang bermakna kepada semua.

Apabila berjaya memimpin keluarga dengan kasih sayang, hikmah, dan ketegasan, kita sedang mewujudkan generasi yang bukan sahaja berdaya saing tetapi juga mempunyai jiwa yang seimbang.

Inilah contoh kepemimpinan yang kita harapkan dapat diterjemahkan di setiap peringkat kehidupan iaitu di rumah, di tempat kerja, dan dalam masyarakat.

Oleh itu, marilah jadikan diri kita pemimpin yang menginspirasi, bukan sahaja di ruang awam, tetapi juga di ruang peribadi, kerana kejayaan

kepemimpinan bermula dengan bagaimana kita memimpin keluarga dan diri sendiri.

Melalui Pemukiman yang diadakan ini, Wanita PH NS sepakat berserta hasilkan Resolusi Konvensyen Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan 2025, iaitu:

1. Mengekalkan dan memperjuangkan kuota 30 peratus calon wanita pada pilihanraya bagi kerusi yang sesuai dan selamat di Negeri Sembilan.
2. Kolaborasi strategik dalam semua parti bagi melahirkan pelapis kepemimpinan wanita yang berkemampuan.
3. Memberikan pendedahan ilmu serta kefahaman politik dan kepemimpinan wanita di semua peringkat.
4. Mempromosikan Pakatan Harapan kepada rakyat melalui pelbagai strategi.
5. Menjuarai dan menangani isu serta permasalahan bagi mewujudkan kepercayaan rakyat.
6. Menzahirkan Aspirasi Rukun Negara dalam segala aspek kehidupan serta gerak kerja politik demi perpaduan dan keharmonian.
7. Wanita PH NS hendaklah berfikir mengikut arus dan berani mencipta arus yang baharu serta berusaha mencipta



peluang dengan kebijaksanaan seterusnya, tidak hanya berdiri teguh, tetapi mengangkat insan lain untuk berjaya cemerlang sama-sama.

Kami mengambil kesempatan untuk memberi penghargaan kepada pimpinan tertinggi Pakatan Harapan Negeri Sembilan yang diketuai oleh Dato' Seri Utama Aminuddin Harun yang sentiasa memberi dorongan, sokongan dan panduan.

Kami menyambut baik cadangan dan menyahut cabaran daripada beliau agar Wanita Pakatan Harapan harus dilihat lebih aktif menyertai program-program Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan.

Bersama-sama, kita terus memimpin, membugar harapan, dan membawa perubahan untuk masa depan yang lebih baik bagi Negeri Sembilan dan Malaysia.

ZARINNA ABU ZARIN

Pengarah Program Konvensyen Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan 2025
Merangkap Ketua Wanita Parti Amanah Negara Negeri Sembilan (AMANAH)

DATO' TENGKU ZAMRAH TENGKU SULAIMAN

Timbalan Pengarah Konvensyen Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan

NICOLE TAN LEE KOON

Ketua Wanita Pakatan Harapan Negeri Sembilan

DATO' NOORZUNITA BEGUM MOHD IBRAHIM

Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat Negeri Sembilan

127 rakyat Palestin akan dihantar pulang ke negara mereka: ZAHID

GEORGE TOWN: Kerajaan sedang mengatur untuk menghantar 127 orang rakyat Palestin termasuk 41 individu yang cedera yang dibawa ke Malaysia sebelum ini bagi menerima rawatan.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, perkara tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet dan penghantaran mereka sedang diuruskan Kementerian Luar bersama Kementerian Pertahanan.

"Kedua-dua kementerian terlibat akan menjelaskan mengenai perkara tersebut dalam masa terdekat dan

kesemua mereka (rakyat Palestin) dalam keadaan sihat.

"Mereka telah menerima rawatan dan memohon untuk pulang.

"Oleh itu, dalam tempoh gencatan senjata ini, kemungkinannya adalah masa yang sesuai untuk penghantaran pulang," kata Ahmad Zahid pada sidang media Majlis Penutupan Permukiman KKDW 2025.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan telah menerima permohonan maaf daripada Duta Palestin di Malaysia, Walid Abu Ali susulan insiden kekecohan



melibatkan warga Palestin di Wisma Transit Kuala Lumpur (WTKL).

Palestin) berada dalam tekanan kerana telah berada lama di Malaysia," tambahnya.

"Kita tahu bahawa mereka (rakyat

Lima isi penting perjanjian gencatan senjata Gaza-Israel

Perjanjian gencatan senjata antara Gaza dan Israel merupakan perkara yang sangat dinanti-nantikan seluruh dunia bagi menghentikan kekejaman yang dilakukan rejim zionis.

Walaupun begitu, terdapat lima isi penting atau fakta yang perlu anda ketahui dalam perjanjian tersebut.

Berikut adalah lima fakta mengenai perjanjian tersebut.

1) Pertukaran tahanan dan tebusan

Salah satu perkara utama yang diketengahkan dalam perjanjian ini adalah pembebasan tahanan oleh kedua-dua belah pihak.

Hamas berjanji akan membebaskan 50 orang tebusan wanita dan kanak-kanak,

manakala Israel akan membebaskan 150 tahanan Palestin yang kebanyakannya wanita dan kanak-kanak.

2) Bantuan kemanusiaan ke Gaza

Lima belas bulan yang penuh sengsara tanpa sebarang bantuan kemanusiaan dibenarkan masuk adalah satu tempoh yang panjang dan menyiksakan.

Oleh itu, bantuan kemanusiaan menjadi satu elemen penting dalam perjanjian ini.

Sebanyak 200 trak bantuan makanan, ubat-ubatan dan bahan bakar akan dihantar ke Gaza dengan meliputi semua kawasan yang terjejas.

Bantuan kemanusiaan ini juga akan disalurkan tanpa sekatan termasuk ke

kawasan yang paling sukar diakses.

3) Peranan negara-negara perantara

Perjanjian gencatan senjata ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa penglibatan negara perantara seperti Mesir dan Qatar.

Kedua-dua negara ini memainkan peranan yang penting dengan melakukan rundingan di belakang tabir bagi memastikan kedua-dua pihak bersetuju dengan syarat gencatan senjata.

4) Tempoh gencatan senjata

Perjanjian ini menetapkan tempoh gencatan senjata selama 42 hari dengan kemungkinan untuk dilanjutkan jika syarat dipatuhi oleh kedua-dua

pihak.

Walaupun kelihatan satu tempoh yang singkat, tetapi ia dapat memberi peluang untuk menghentikan keganasan sementara dan membuka rundingan lebih lanjut.

5) Kesan terhadap rundingan di masa depan

Perjanjian gencatan senjata ini dilihat sebagai langkah yang kecil tetapi ia adalah penting bagi menuju perdamaian yang lebih menyeluruh.

Walaupun begitu, kita ketahui bahawa kepercayaan kedua-dua belah pihak masih sangat rapuh dan isu utama seperti status Jerusalem dan hak pelarian Palestin masih menjadi penghalang besar.

Saudara Palestin tidur lena selepas gencatan senjata

GAZA: Saudara kita yang berada di Palestin telah menikmati tidur tanpa perlu risau akan serangan daripada rejim zionis apabila gencatan senjata dipersetujui kedua-dua belah pihak.

Ini merupakan kali pertama dalam tempoh setahun rakyat Palestin dapat menikmati tidur tanpa rasa takut bahawa bom yang tidak dijangka menghujani rumah atau khemah mereka.

Orang ramai meraikan dengan

perasaan gembira kerana menanti untuk sekian lamanya kedamaian tersebut dan akhirnya dikuatkuasakan pada 11.30 malam, 19 Januari lalu.

Mereka juga dilihat meninggalkan kawasan perkhemahan untuk kembali ke kediaman masing-masing yang ditinggalkan.

Walaupun begitu, hanya kenangan sahaja yang tinggal apabila 15 bulan yang penuh

kesengsaraan itu menjadikan Gaza kawasan timbunan runtuh.

Namun, adakah keadaan ini akan kekal?

Sekiranya ia kekal untuk tempoh berapa lama?

Semoga saudara seagama kita di Palestin sentiasa di bawah perlindungan Allah.



Kementerian Sumber Manusia meterai MoU dengan Huawei demi pembangunan TVET

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM), telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd untuk memperkukuh pembangunan TVET berteknologi tinggi di Malaysia.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, MoU ini bertujuan meningkatkan infrastruktur TVET dengan integrasi teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), rangkaian 5G, pengkomputeran awan, data raya, dan IoT.

"TVET Huawei Learning Centre pertama akan ditubuhkan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur dan bakal melatih 2,000 peserta

melalui kursus bertauliah yang dibangunkan bersama.

"Kerjasama ini juga merangkumi peningkatan infrastruktur pintar di ILP Pasir Gudang dengan teknologi 5G dan Wi-Fi 7 serta penubuhan pusat data TVET untuk menyokong pendidikan digital.

"Selain itu, program latihan industri dan peluang kerjaya turut ditawarkan kepada pelajar melalui rangkaian global Huawei.

"Kerjasama strategik ini sejajar dengan Dasar TVET Negara 2030 dalam membangunkan modal insan berkualiti tinggi serta memastikan Malaysia terus kompetitif dalam era pendigitalan global," kata Steven Sim.



Lima atlet SUKMA Negeri Sembilan terima insentif tambahan RM1,000



SEREMBAN: Seramai lima atlet SUKMA Negeri Sembilan menerima insentif kewangan tambahan daripada Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Aminuddin Harun.

Aminuddin berkata, insentif tambahan RM1,000 setiap seorang ini diberi kepada lima atlet tersebut yang berjaya mencatatkan rekod baharu pada Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024.

"Lima atlet tersebut ialah Gan Chen Ji, Aina Zahara Baharum, Tan Yee Xuan dan Mustaqim Hanif dari acara menembak.

"Turut menerima insentif

RM1,000 ialah atlet olahraga Yee Zhi Xin.

"Insentif ini diberi bagi menghargai usaha atlet mencipta rekod baharu SUKMA.

"Saya berharap pada Temasya SUKMA akan datang, lebih ramai atlet Negeri Sembilan dapat mencatatkan rekod baharu SUKMA.

"Adalah diharapkan insentif ini menjadi pembakar semangat kepada atlet SUKMA Negeri Sembilan mencapai lebih banyak kejayaan," kata Aminuddin.

Dr.Craig Ketua Prestasi Tinggi dan Perubatan Sukan skuad bola sepak kebangsaan



Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), mengumumkan Dr. Craig Duncan dari Australia sebagai Ketua Prestasi Tinggi dan Perubatan Sukan Pasukan Kebangsaan, salah satu jawatan utama dalam struktur organisasi baharu bagi revolusi skuad Harimau Malaya.

Terdahulu pada 16 Disember 2024, FAM telah mengumumkan Peter Cklamovski juga dari Australia sebagai ketua jurulatih kebangsaan dan Nafuzi Zain sebagai ketua jurulatih skuad bawah 23 tahun kebangsaan.

Sementara itu, pada 31 Disember 2024, FAM mengumumkan pula Rob Friend dari Kanada sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pasukan Kebangsaan.

Dr. Craig merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Performance Intelligence Agency selama 15 tahun sejak dari 2009 hingga kini yang mana beliau turut pernah menjadi Ketua Sains Sukan di Persekutuan Bola

Sepak Australia (FFA) selama empat tahun dari 2014 hingga 2018.

Selain itu, Dr.Craig juga merupakan Pensyarah Kanan Senaman dan Sains Sukan di Australian Catholic University (ACU) sejak 2013 hingga kini yang mana beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Sains Sukan dan Senaman dari University of Sydney dan Ijazah Sarjana Kepimpinan dari Deakin University.

Beliau juga merupakan Penasihat di Elite Performance Partners sejak dari 2021 hingga kini.

Berdasarkan pengalaman luas dan kepakaran beliau dalam bidang prestasi manusia, tugas Dr.Craig di FAM sebagai Ketua Prestasi Tinggi dan Perubatan Sukan Pasukan Kebangsaan adalah bertanggungjawab dalam mengetuai hal-hal berkaitan prestasi tinggi; kecerdasan fizikal, pemulihan dan sains sukan; pemakanan dan psikologi sukan serta pembangunan kakitangan.

Sebagai salah seorang saintis sukan terkemuka Australia, pendekatan Dr.Craig yang inovatif dan holistik terhadap pengurusan pemain telah membolehkan pasukan berprestasi tinggi memaksimumkan prestasi dan menurunkan kadar kecederaan dalam atlet profesional mereka.

Dr.Craig bekerja dengan Sydney FC apabila mereka memenangi kejuaraan Liga-A, dengan Western Sydney Wanderers apabila mereka menjadi pasukan Australia pertama memenangi Liga Juara-Juara Asia pada 2014, dengan pasukan NSW beliau menamatkan kemarau

ke separuh akhir Piala Asia 2019.

Di FAM, Dr.Craig telah meletakkan visi bagi mewujudkan rangka kerja prestasi tinggi bertaraf dunia untuk sains sukan dan perubatan sukan; membolehkan pasukan senior, junior dan wanita kebangsaan mencapai kejayaan yang berterusan sambil memupuk budaya prestasi tinggi di semua peringkat bola sepak di Malaysia.

Bagi misi pula, Dr. Craig mahu mengintegrasikan amalan sains sukan dan perubatan termaju merentas semua pasukan kebangsaan dan liga bola sepak Malaysia; meningkatkan prestasi pemain, pemulihan dan daya tahan melalui protokol piawai, program pendidikan dan teknologi termaju.

Dengan semua perancangan ini diharap ianya mampu untuk menyediakan pasukan kebangsaan kita dengan tahap kesediaan fizikal dan taktikal yang terbaik, selain aspek berkaitan prestasi tinggi menjadi keutamaan dalam bola sepak Malaysia.

Dr.Craig telah memulakan tugas secara rasmi di Wisma FAM, Kelana Jaya pada Januari 2025.



kejuaraan pada siri State of Origin pada 2014 dan 2018, serta dengan Socceroos apabila mereka muncul juara Piala Asia pada 2015.

Selain itu, Dr.Craig turut menyelia program prestasi tinggi pasukan kebangsaan Iran apabila mereka mara

Pengalaman berharga skuad futsal Malaysia harungi cabaran 2025

Pasukan futsal Malaysia memperoleh pengalaman berharga sepanjang tahun lalu dalam misi merekodkan pencapaian lebih baik pada 2025.

Untuk rekod, skuad kendalian Rakphol Sainetngam yang menghuni tangga ke-81 dunia itu telah mengharungi kejohanan NSDF Futsal Championship Thailand pada Mac 2024.

Pada kejohanan tersebut, Malaysia berdepan beberapa pasukan terkuat dunia seperti tuan rumah Thailand yang menghuni tangga ke-11 dunia dan juga dua lagi pasukan - Afghanistan (30) dan

Australia (49).

Malaysia turut melakar keputusan positif apabila mengikat Afghanistan dengan keputusan 3-3 selain memberikan saingan sengit kepada Australia dan Thailand.

Kejuaraan Futsal ASEAN 2024 yang berlangsung pada November lalu menyaksikan Malaysia melakar dua kemenangan iaitu ketika berdepan Brunei dengan keputusan 11-0 selain menundukkan Timor Leste dengan keputusan 2-0.

Kekalahan kepada dua jagoan Asia Tenggara - Thailand dan Vietnam

menyaksikan perjalanan skuad negara tamat pada peringkat kumpulan.

Begitupun, dua kejohanan tersebut tetap dianggap sebagai medan persiapan terbaik buat Malaysia bagi menghadapi cabaran 2025.

Ujian berikutnya buat anak-anak buah Rakphol adalah bagi menghadapi kempen Kelayakan Piala Asia 2026 yang dijadualkan dari 13 hingga 26 Oktober 2025 di Indonesia dan Sukan SEA 2025 di Thailand hujung tahun ini. Football Association of Malaysia (FAM).



Sukan

Negeri Kita

M.s. 22
MAINS sumbang Kubah Pengerang Solar



Peningkatan positif ranking Harimau Malaya

Skuad bola sepak kebangsaan Harimau Malaya mencatatkan peningkatan ranking FIFA yang memberangsangkan pada tahun 2024.

Pada April 2024, Malaysia mengahuni tangga ke-138 dunia dengan merekodkan 1,095 mata dan berjaya mendaki enam tangga menjelang penghujung tahun hasil beberapa keputusan positif yang dicatat.

Harimau Malaya melonjak ke tangga 133 dunia pada Oktober 2024 sebelum naik satu lagi anak tangga untuk berada pada kedudukan ke-132 dunia dengan mengumpul 1,116 mata.

Peningkatan itu selari dengan sasaran pasukan

kebangsaan dalam Peta Hala Tuju F:30 Fasa 2 (2023-2026) iaitu untuk terus mendaki kedudukan ranking FIFA dan muncul negara teratas di rantau ASEAN.

Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) meletakkan fokus pemerksaan permainan skuad kebangsaan adalah untuk mendaki ranking FIFA dengan menganjurkan lebih banyak perlawanan antarabangsa membabitkan negara dengan ranking lebih tinggi.

Pada tahun lalu, Harimau Malaya telah berdepan beberapa pasukan ranking lebih tinggi di pentas Piala Asia seperti Korea Selatan yang mengahuni tangga ke-23 dunia, Jordan (64) dan Bahrain (81).

Bukan itu sahaja, skuad kebangsaan turut menentang beberapa pasukan ranking lebih tinggi seperti Oman (80), New Zealand (89), Thailand (97), Kyrgyzstan (107) dan Lubnan (112).

Ujian pertama Harimau Malaya tahun ini adalah aksi Kelayakan Piala Asia 2027 dengan pertemuan menentang pasukan ke-175 dunia, Nepal pada 25 Mac depan. Football Association of Malaysia (FAM).



Malaysia menang dua pingat emas di Piala Dunia Boling

KUALA LUMPUR: Pasukan Tenpin Boling Kebangsaan memenangi dua pingat emas dan dua pingat perak di Kejohanan Piala Dunia IBF 2025 yang berlangsung di Hong Kong.

lelaki yang terdiri daripada Rafiq Ismail, Tun Hakim, Ahmad Muaz dan Timmy Tan.

Rafiq Ismail juga memenangi pingat perak dalam perseorangan lelaki.



Pasukan negara membawa pulang dua pingat emas menerusi Natasha Roslan dalam acara perseorangan wanita.

Pasukan wanita juga memungut pingat perak melalui Siti Safiyah, Natasha Roslan, Gillian Lim dan Sin Li Jane.

Tahniah kepada skuad tenpin boling negara. Anda kebanggaan Malaysia.

Manakala satu lagi pingat emas pula disumbang oleh pasukan